



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Bahasa Melayu (910)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 34,338 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 80.15% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	5.80	6.35	13.16	14.48	15.86	11.91	12.59	3.33	6.96	1.82	7.73

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	11	A
2	A	12	C
3	A	13	D
4	C	14	C
5	B	15	A
6	D	16	C
7	D	17	B
8	B	18	B
9	A	19	C
10	B	20	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah baik. Seramai 158 orang calon memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 118 orang calon pula memperoleh markah yang terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, kebanyakan soalan ialah soalan aras sederhana, kecuali soalan 11, 19 dan 20. Soalan-soalan ini merupakan soalan aras mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 17 pula merupakan soalan yang sukar kerana kurang 30% calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: *Pembacaan Kritis dan Analitis*

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua empat soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah sederhana. Kebanyakan calon menjawab semua soalan yang dikemukakan. Hanya ada segelintir calon yang tidak menjawab soalan tertentu, iaitu soalan 21, 22 atau 23. Untuk soalan 21, prestasi calon sangat lemah. Hampir semua calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Ada yang memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Untuk soalan 22, 23 dan 24 pula, kebanyakan calon memperoleh markah yang baik. Soalan 24 ialah soalan esei pendek. Sesetengah calon dapat mengemukakan dua atau tiga isi dengan betul. Namun begitu, calon tidak dapat menghuraikan isi tersebut dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan contoh yang betul bagi sesetengah isi. Kebanyakan calon membuat penegasan isi dengan menyalin ayat pertama perenggan tersebut sedangkan penegasan yang sedemikian tidak diperlukan. Selain itu, ada calon yang membuat pendahuluan dan kesimpulan yang tidak diperlukan. Dari segi bahasa, penguasaan calon amat lemah. Mereka tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Hal ini jelas tergambar dalam jawapan mereka untuk bahagian ini. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Selain itu, saya juga mencakna dalam menyebarkan maklumat yang sesuai mengikut kumpulan.
- (b) Langkahnya ialah menerap fikiran yang positif. Seterusnya, menapis atau menyiasat maklumat yang dikongsikan melalui internet. Menyiasat sama ada maklumat yang diberikan benar ataupun tidak. Mengkaji asal usul maklumat tersebut agar tidak terpedaya.
- (c) Tiga mesej yang dinyatakan oleh penulis dalam petikan di atas ialah kesan buruk atau akibat penyebaran maklumat tanpa saringan melalui internet. Selain itu, cara-cara atau langkah-langkah untuk mengatasi kesan negatif dalam penyebaran maklumat. Akhir sekali, kesan baik penyebaran maklumat dengan saringan melalui internet.
- (d) Penulis cuba menyampaikan mesej berkaitan kesan penyalahgunaan teknologi internet. Seterusnya, masyarakat yang berani dalam memberikan pendapat masing-masing. Akhir sekali, langkah bagi mengelakkan penyebaran maklumat palsu.
- (e) Memberitahu sumber maklumat tersebut. Apabila kita ingin berkongsi maklumat melalui internet, kita hendaklah menyertakan sekali daripada mana sumber maklumat yang kita perolehi. Hal ini demikian kerana, agar kita dapat merujuk sumber tersebut jika terdapat kesalahan dalam maklumat yang dikongsikan. Tuntasnya, hal ini boleh mengelakkan kita daripada kesan negatif perkongsian maklumat di Internet.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud frasa yang terdapat dalam petikan, iaitu:

- (a) ...pahlawan papan kekunci... (baris 16)
- (b) ...dangkal dalam mempertahankan pendapat masing-masing... (baris 19 – 20)

Jumlah markah untuk soalan ini ialah 4 markah, iaitu 2 markah untuk setiap satu frasa. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Orang yang berani menggunakan peranti/peralatan komunikasi (untuk menyebarkan maklumat)

- (b) Cetek pengetahuan/kurang berilmu tetapi berpegang teguh terhadap pandangan sendiri/dalam menegakkan pandangan masing-masing

Kebanyakan calon cuba menjawab soalan ini namun tidak ramai calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat. Hanya terdapat sebilangan kecil calon yang memperoleh markah 1 atau 2 markah. Markah ini diperoleh berdasarkan jawapan yang dikemukakan, iaitu jawapan yang tidak lengkap atau kurang menepati makna frasa yang dikehendaki dalam soalan. Kebanyakan calon memperoleh 0 markah kerana mereka tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Ada calon yang memberikan jawapan yang langsung tidak berkenaan dengan kehendak soalan. Antara jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1:

- (a) Maksud frasa pahlawan papan kekunci ialah orang yang mengambil kesempatan untuk menjadi penentu kepada kesahihan sesuatu perkara.
- (b) Maksudnya ialah handal membela pandangan yang diberikan oleh diri sendiri.

Contoh 2:

- (a) Pembuli atas talian
- (b) memberi pendapat dengan kebijaksanaan yang rendah

Contoh 3:

- (a) Ketua untuk menyampaikan maklumat melalui gajet
- (b) semangat untuk mempertahankan pendapat walaupun tidak mempunyai ilmu yang mendalam

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga akibat penyebaran maklumat tanpa saringan melalui internet. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 3 markah. Oleh itu, calon seharusnya memberikan tiga akibat sebagai jawapan. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Wujud wartawan yang tidak bertauliah
- (b) Penyebaran maklumat yang belum tentu sahih
- (c) Timbul pelbagai andaian tentang berita yang disebarkan
- (d) Pembaca mempercayai berita yang disebarkan tanpa memastikan kesahihannya
- (e) Wujud pahlawan papan kekunci
- (f) Mengundang pelbagai tindak balas negatif
- (g) Penyebaran maklumat yang sensitif boleh menghuru-harakan ketenteraman awam/menggugat keamanan negara

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti akibat penyebaran maklumat tanpa saringan melalui internet yang tertera dalam petikan. Oleh itu, kebanyakan calon mendapat markah penuh untuk soalan ini, iaitu 3 markah. Namun demikian, sebahagian besar calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat yang betul. Kelemahan bahasa calon amat ketara. Contoh kesalahan bahasa dapat dilihat dalam jawapan yang berikut:

Tiga akibat penyebaran maklumat tanpa saringan melalui Internet ialah timbul pelbagai andaian berkaitan berita yang disebar. Seterusnya ialah mengundang pelbagai tindak balas negatif. Akhir sekali menghuru-harakan ketenteraman awam dan menggugat keamanan negara.

Terdapat segelintir calon yang memperoleh 2 markah kerana mereka hanya memberikan dua akibat, dan ada yang memberikan akibat yang sama, iaitu menghuru-harakan kenteraman awam dan menggugat keamanan negara. Ada calon memperoleh 0 hingga 1 markah, kerana mereka mengemukakan satu akibat sahaja, dan ada yang mengemukakan akibat mengikut pandangan sendiri, bukannya berdasarkan petikan. Selain itu, ada sebilangan kecil calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Antara jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1:

- (i) Terdapat pihak yang cuba menjadi pahlawan papan kekunci
- (ii) Melahirkan ramai pakar baharu yang dangkal dalam mempertahankan pendapat masing-masing
- (iii) Pengguna mempercayai maklumat pertama yang dibaca tanpa memastikan kesahihannya

Contoh 2:

Akibat penyebaran maklumat tanpa saringan melalui internet adalah timbul pelbagai andaian berkaitan dengan berita berkenaan.

Contoh 3:

Akibat penyebaran maklumat tanpa saringan melalui internet ialah kemunculan pelbagai andaian berkaitan berita yang disebarkan. Penyebaran maklumat yang tidak sahih juga akan menghuru-harakan ketenteraman awam. Selain itu, penyebaran maklumat yang tidak disaring boleh menggugat keamanan negara.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon memberikan tiga mesej yang dinyatakan oleh penulis dalam petikan tersebut. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 3 markah. Oleh itu, calon seharusnya memberikan tiga mesej sebagai jawapan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengguna internet seharusnya mendapatkan maklumat daripada sumber yang sah sebelum menyebarkannya.
- (b) Pengguna internet perlu ingat bahawa pengguna media sosial terdiri daripada pelbagai latar belakang.
- (c) Pengguna internet seharusnya cakna dalam menyebarkan maklumat yang sesuai mengikut kumpulan sasaran.
- (d) Pengguna internet seharusnya memikirkan sensitiviti pengguna laman sosial.
- (e) Pengguna internet harus menapis maklumat yang hendak disebarkan bagi menjaga hubungan baik dalam kalangan pengguna laman sosial.
- (f) Pengguna internet seharusnya memikirkan kesan sebelum berkongsi sesuatu maklumat.

Kebanyakan calon dapat mengemukakan tiga mesej penulis dengan betul dan memperoleh markah maksimum, iaitu 3 markah. Calon dalam kategori ini dapat mengenal pasti mesej dengan tepat dan dapat mempersembahkan jawapan mereka dengan menggunakan ayat yang gramatis. Namun demikian, ada juga dalam kalangan calon yang menulis jawapan tanpa mengambil kira kegramatisan ayat. Walaupun isinya dapat dikenal pasti, hampir semua calon melakukan kesalahan ayat apabila mempersembahkan isi tersebut. Mereka menyambungkan ayat yang diambil dari bahagian-bahagian tertentu dalam petikan, untuk dijadikan sebagai jawapan. Ada jawapan yang sedemikian mengandungi tiga mesej yang tepat. Oleh itu, mereka tetap memperoleh markah penuh. Selain itu, ada calon

yang memberikan jawapan lebih daripada yang dikehendaki oleh soalan. Kebanyakan calon begini memberikan empat kesan. Ada calon yang memperoleh markah antara 1 hingga 2 markah sahaja untuk soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka memberikan satu atau dua mesej sahaja. Ada antara mereka yang terkeliru antara mesej dengan akibat, iaitu soalan 22. Ada juga calon yang memberikan jawapan mengikut idea sendiri, bukannya mengikut idea penulis. Antara jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Mesej penulis yang pertama pengguna haruslah mendapat maklumat daripada sumber yang sah, kedua harus menapis maklumat yang hendak disebar untuk menjaga hubungan baik dengan kalangan pengguna media sosial, akhir sekali perlu cakna dalam menyebarkan maklumat yang sesuai mengikut kumpulan sasaran.

Contoh 2

Tiga mesej yang dinyatakan oleh penulis dalam petikan tersebut ialah pengguna Internet seharusnya mendapatkan maklumat daripada sumber yang sah seperti pengguna media sosial terdiri daripada pelbagai latar belakang. Seterusnya, mereka seharusnya cakna dalam menyebarkan maklumat yang sesuai mengikut kumpulan sasaran dan memikirkan sensitiviti pengguna laman sosial.

Contoh 3

Penulis cuba menyampaikan mesej berkaitan kesan penyalahgunaan teknologi internet. Seterusnya, masyarakat yang berani dalam memberikan pendapat masing-masing. Akhir sekali, langkah bagi mengelakkan penyebaran maklumat palsu.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kesan negatif perkongsian maklumat melalui internet. Panjang jawapan calon untuk soalan ini hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Markah penuh untuk soalan ini ialah 20 markah. Calon harus mempersembahkan jawapan dengan mengemukakan isi utama, huraian isi utama, contoh dan huraian contoh. Antara isi utama untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Memastikan kesahihan maklumat yang diterima
- (b) Memastikan tujuan perkongsian maklumat ke arah kebaikan
- (c) Merujuk pihak yang boleh dipercayai/ibu bapa/keluarga/guru/kaunselor
- (d) Memastikan maklumat yang ingin dikongsikan tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak
- (e) Menggunakan bahasa yang santun
- (f) Memuat turun aplikasi khusus
- (g) Merujuk laman sesawang pihak berkuasa

Kebanyakan calon menjawab soalan ini. Ada calon yang dapat mengemukakan tiga isi utama dengan tepat. Huraian isi dan contoh yang dikemukakan juga bersesuaian dengan isi utama. Calon sebegini mendapat 15 markah. Antara isi yang dikemukakan pelajar termasuklah:

- (a) Menapis maklumat untuk memastikan maklumat itu sahih atau tidak
- (b) Melaporkan maklumat palsu kepada pihak berkuasa
- (c) Bertanya kepada guru atau ibu bapa tentang maklumat yang tidak pasti

Kelemahan calon yang ketara ialah, walaupun isi yang dikemukakan itu betul, sebahagian besar calon tidak dapat menghuraikan isi tersebut dengan baik. Contohnya:

Langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kesan negatif perkongsian maklumat melalui Internet adalah harus menapis maklumat untuk memastikan maklumat itu sahih atau tidak. Saya tidak akan berkongsi maklumat yang tidak pasti untuk mengelakkan kesan negatif kepada pengguna yang lain. Kita hendaklah berkongsi maklumat yang pasti sahaja untuk membantu orang lain yang memerlukannya. *Jelaslah dengan langkah ini saya dapat berhati-hati sebelum berkongsi maklumat dan dapat mengelakkan kesan negatif tersebut.*

Isi yang dikemukakan calon dalam ayat pertama dalam contoh atas boleh diterima. Ayat kedua dan ketiga membawa maksud yang hampir sama dan tidak memberikan penjelasan tentang isi yang dikemukakan. Selain itu, contoh juga tidak dikemukakan. Penegasan isi yang tidak diperlukan (bahagian yang berhuruf condong) seolah-olah menjadi suatu kemestian bagi kebanyakan calon. Kelemahan bahasa calon begitu jelas dalam jawapan yang dikemukakan. Pelbagai kelemahan tersebut melayakkan calon memperoleh markah yang minimum sahaja.

Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan yang tidak relevan, seperti yang berikut:

- (a) Tidak menyebarkan berita palsu kepada orang lain
- (b) Menasihati kawan agar tidak berbuat demikian
- (c) Mengabaikan laman web yang mencurigakan
- (d) Menghadiri kempen mengenai penggunaan Internet yang betul
- (e) Tidak mengemukakan maklumat peribadi di laman web
- (f) Mengehadkan masa atau menyediakan jadual penggunaan Internet

Segelintir calon pula mengemukakan jawapan yang bukan merupakan tindakan pelajar, antaranya:

- (a) Pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang
- (b) Ibu bapa perlu mendidik anak-anak tentang penggunaan Internet
- (c) Pihak sekolah perlu mengadakan program untuk menyedarkan pelajar tentang penggunaan Internet yang betul

Ada calon yang mendapat 0 markah untuk soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon seolah-olah tidak memahami kehendak soalan. Calon sepatutnya memberikan langkah yang boleh diambil oleh pelajar namun mereka memberikan langkah yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan, sekolah dan ibu bapa. Hal ini menyebabkan keseluruhan idea dan huraian adalah tidak relevan. Mereka mungkin memperoleh markah untuk aspek bahasa sahaja. Ada calon yang mengemukakan isi utama yang tepat, namun huraian yang dikemukakan pula tidak menyokong isi utama berkenaan. Selain itu, ada calon yang menulis jawapan yang bercampur aduk isi utama dengan huraian. Hal ini menyebabkan ada isi utama yang tiada huraian dan ada huraian yang tiada isi utamanya. Calon yang lemah juga memperlihatkan kemahiran bahasa yang amat lemah. Ada antara mereka yang hanya memperoleh 1 markah untuk aspek bahasa. Calon jelas tidak mengambil kira ketepatan struktur ayat ketika menulis jawapan. Hasilnya, ayat yang dibina tergantung, tidak mempunyai makna yang jelas, dan mengandungi kesalahan binaan ayat yang ketara, seperti tidak mempunyai subjek atau predikat. Selain itu, ada calon yang menyalin bahagian tertentu dalam petikan. Ada pula calon yang mengulang pernyataan dalam soalan, iaitu "...langkah ini boleh mengelakkan kesan negatif perkongsian maklumat melalui internet". Hal ini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Akhir sekali, langkah yang boleh diambil ialah pelajar perlu mengikuti kursus dalam penggunaan internet. Hal ini dikatakan kerana pelajar perlu mendapatkan pendedahan yang jelas untuk mencegah dari perbuatan jenayah. Sebagai contoh, guru boleh membuat kelas dalam penggunaan internet dengan betul. Tegasnya, guru memainkan peranan dalam memastikan pelajar tidak terjerumus dengan perkara negatif.

Contoh 2

Ibu bapa perlu mendidik anak-anak untuk tidak membuat perkongsian maklumat sesuka hati juga merupakan langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kesan negatif perkongsian maklumat melalui internet. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak tersebut merupakan orang yang paling dekat dengan kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh, ibu bapa memberitahu anak mereka bahawa membuat perkongsian maklumat sesuka hati boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk.

BAHAGIAN C: *Penulisan Esei Tidak Berformat*

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab satu daripada tiga soalan esei yang diberikan. Calon perlu menulis esei yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 50 markah.

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Calon tidak mempunyai kemahiran dalam penulisan. Buktinya, kebanyakan calon tidak dapat menulis pendahuluan dengan betul. Sesetengah calon lebih banyak memperkatakan perkara lain sebelum menyentuh isu utama pada bahagian akhir pendahuluan. Yang berikut merupakan pendahuluan yang ditulis oleh pelajar untuk soalan 25, iaitu faktor-faktor sesetengah pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik.

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini. Penggunaan Bahasa Melayu hendaklah diamalkan sejak awal kerana bahasa ini perlu dikuasai oleh setiap warganegara. Oleh sebab itu Bahasa Melayu diajarkan di sekolah sejak awal lagi. Bahasa Melayu juga dijadikan mata pelajaran teras dalam peperiksaan SPM. Namun, sesetengah pihak menganggap Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang mudah dan tidak memberikan tumpuan semasa guru mengajar. Kini, timbul isu pelajar tidak dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan baik dari segi lisan. Perkara ini tidak harus dibiarkan kerana boleh merugikan masyarakat dan negara.

Pada bahagian awal perenggan, calon memperkatakan kepentingan Bahasa Melayu dan tanggapan sesetengah pihak tentang mata pelajaran tersebut. Kelemahan pelajar dalam aspek lisan hanya disentuh dalam dua ayat terakhir. Situasi ini menyebabkan pendahuluan calon yang berkenaan dikategorikan sebagai lemah.

Dari segi isi, kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya lima isi dengan betul. Namun begitu, kelemahan yang paling ketara ialah kegagalan calon menghuraikan isi tersebut dengan betul dan jelas. Kebanyakan huraian isi calon tidak berfokus kepada isi utama tetapi calon mencampurkan punca, kesan dan langkah tanpa memikirkan kesesuaiannya. Yang berikut ialah contoh perenggan isi yang ditulis oleh calon untuk soalan 27, iaitu punca berlakunya penularan sesuatu jenis penyakit:

Punca penyakit berjangkit yang utama dalam masyarakat pada masa kini adalah disebabkan oleh persekitaran alam sekitar yang tidak bersih. Hal ini disebabkan oleh pencerobohan haram oleh pendatang asing di negara kita. Selain daripada itu, mereka membuang sampah di merata-rata tempat menyebabkan gejala penyakit berjangkit terus berlaku dari semasa ke semasa. Sampah sarap yang dibuang ke dalam sungai menyebabkan air sungai menjadi kotor sehingga membunuh ikan dan hidupan air yang lain. Keadaan ini merugikan masyarakat dan negara kerana kehilangan sumber protein. Pihak kerajaan hendaklah menangani masalah ini untuk mengelakkan penularan penyakit berjangkit

Isi yang diberikan oleh calon tersebut adalah relevan. Namun begitu, huraian isinya tidak dikaitkan dengan penularan penyakit. Calon sepatutnya menjelaskan sebab pembuangan sampah itu boleh mengakibatkan penularan penyakit. Kelemahan lain yang amat ketara termasuklah kegagalan calon menyatakan isi pada setiap permulaan perenggan. Secara keseluruhannya, majoriti calon melakukan kesalahan tersebut. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Contoh 1 (Soalan 25)

Punca yang menyebabkan pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik kerana sikap ibu bapa yang menggunakan bahasa Inggeris di rumah. ...

Seterusnya menganggap bahasa Melayu tidak penting di peringkat antarabangsa berbanding bahasa Inggeris. ...

Akhir sekali, pengaruh media sosial yang bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. ..

Contoh 2 (Soalan 26)

Langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi peningkatan kos sara hidup dengan memberikan bantuan kepada golongan tersebut. ...

Langkah lain yang boleh diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi peningkatan kos sara hidup ialah mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. ...

Langkah terakhir yang boleh diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi peningkatan kos sara hidup ialah menyediakan jualan rahmah di kedai-kedai kepada golongan yang berpendapatan rendah. ...

Contoh 3 (Soalan 27)

Punca penularan sesuatu jenis penyakit berlaku kerana tidak menjaga kebersihan. ...

Selain itu, punca yang lain kerana sikap tidak ambil berat terhadap kesihatan masing-masing kerana tidak mengadakan pemeriksaan doktor. ...

Akhir sekali ialah mengambil pemakanan yang boleh memudaratkan kesihatan....

Kesemua ayat dalam contoh tersebut mengandungi kesalahan dari segi semantik, kesalahan penggunaan penanda wacana dan kesalahan ayat tergantung. Kelemahan yang lain pula ialah kebanyakan calon tidak menyimpulkan isi yang ditulis tetapi sesetengahnya memberikan cadangan ataupun memperkatakan perkara lain yang dianggap berkaitan dengan isu dalam soalan. Yang berikut ialah contoh kesimpulan calon yang menjawab soalan 27, iaitu punca berlakunya penularan sesuatu jenis penyakit.

Kesimpulannya, penyakit berjangkit amat berbahaya kepada tubuh badan manusia. Gejala ini boleh mengganggu aktiviti harian seseorang jika tidak dikawal dari awal. Oleh itu semua pihak perlu memainkan peranan penting untuk membasmi penyakit ini daripada terus merebak sehingga mengancam keselamatan lebih banyak penduduk. Ketika Covid-19 menyerang negara

banyak nyawa terkorban dan negara menghadapi masalah untuk mengatasinya. Jelas bahawa penyakit amat berbahaya kepada semua orang tanpa mengira umur dan warna kulit.

Selain aspek kemahiran menulis, penguasaan bahasa calon juga amat lemah. Terdapat banyak kesalahan bahasa yang menyebabkan kualiti esei yang dihasilkan adalah rendah dan markah yang diperolehi juga rendah. Rata-rata calon hanya memperoleh markah antara 1 hingga 4 markah, sedangkan markah yang diperuntukkan untuk aspek bahasa ialah 15 markah. Dalam esei calon, kebanyakannya mengandungi 25 hingga 30 kesalahan struktur ayat. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa amat lemah dalam kalangan calon. Selain kesalahan kerana binaan ayat tidak gramatis, seperti tiada subjek/predikat, ramai juga calon yang membina ayat yang tidak jelas semantikanya. Contoh kesalahan ayat yang ditemui dalam esei calon adalah seperti yang berikut:

1. Seterusnya, kurang membaca merupakan faktor utama segelintir pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik.
2. Akhir sekali, faktor yang menjadi punca sesetengah pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik adalah sikap pelajar.
3. Tetapi, terdapat beberapa punca yang menyebabkan berlakunya gejala tersebut.
4. Ini juga boleh mengurangkan beban mereka kerana mereka tidak perlu lagi takut-takut untuk habis duit kerana harga barangan semuanya sudah diturunkan.
5. Keadaan ekonomi yang mengalami kenaikan harga barang umum yang berterusan menyebabkan gaji minimum yang diterima tidak mampu menanggung kos-kos perbelanjaan mereka.
6. Hal ini dikatakan demikian kerana imunisasi individu yang berbeza.
7. Selain itu, langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu golongan ini ialah menurunkan harga petroleum.
8. Manakala penyakit bermaksud suatu wabak atau kondisi yang dihadapi oleh seseorang dalam keadaan yang tidak sihat.
9. Antara langkah-langkah tersebut adalah menjaga kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan 1 meter.

Dari segi teknikal pula, ada calon yang tidak memenuhi jumlah bilangan patah perkataan yang dikehendaki dalam soalan. Mereka hanya menulis 400 hingga 500 patah perkataan. Ada calon yang memberikan jawapan panjang lebar untuk soalan 24, namun untuk soalan bahagian C, mereka menulis 300 patah perkataan sahaja. Hal ini menunjukkan calon tidak membuat perancangan yang rapi untuk menjawab soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menulis sebuah esei tentang faktor sesetengah pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Kurangnya penekanan dalam aspek kemahiran lisan
- (b) Kebiasaan menggunakan bahasa ibunda dengan keluarga dan dengan rakan-rakan
- (c) Kebiasaan menggunakan dialek
- (d) Pengaruh media elektronik yang banyak menggunakan slanga dan bahasa kolokial

- (e) Kurangnya kesedaran pelajar tentang kepentingan berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik
- (f) Penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan ibu bapa/pihak lain dengan anak-anak/pelajar-pelajar
- (g) Sikap memandang rendah bahasa Melayu
- (h) Tuntutan kehidupan masyarakat kini yang mengutamakan kecekapan berbahasa Inggeris

Terdapat sebahagian kecil calon yang dapat mengemukakan isi yang relevan dengan secukupnya. Kelemahan calon yang ketara ialah kebanyakan calon tidak dapat menghuraikan isi yang diberikan dengan baik. Kebanyakannya mencampuradukkan maklumat yang sesuai dengan maklumat yang kurang berkaitan. Kebanyakan calon mengemukakan faktor pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik. Namun begitu, calon menghuraikan faktor dengan satu atau dua ayat, manakala ayat yang selebihnya dimasukkan kesan dan langkah yang tidak diperlukan. Contoh perenggan isi yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut.

Contoh 1

Pelajar yang tidak ingin berbaur (bergaul) dengan masyarakat merupakan faktor yang menjadi punca sesetengah pelajar yang tidak dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Hal ini disebabkan oleh pelajar yang terpengaruh dengan telefon bimbit sehingga menyebabkan pelajar tidak ingin berbaur dengan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar lebih memahami bahasa lain daripada bahasa Melayu yang boleh menyebabkan pelajar tidak ingin berbaur dengan masyarakat kerana takut bahasa yang mereka gunakan berbeza dari masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu. Pelajar yang ingin bersendirian juga menjadi penyebab pelajar tidak ingin berbaur dengan masyarakat.

Persembahan isi di atas adalah lebih kepada faktor pelajar tidak ingin bercampur dengan masyarakat, bukannya faktor pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik.

Contoh 2

Faktor pelajar tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik kerana menggunakan bahasa asing di rumah. Hal ini kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa yang penting pada masa kini. Kita sebagai anak bangsa menyambung legasi memartabatkan bahasa itu sendiri. Oleh itu, pelajar hendaklah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama bukannya sampingan. Pelajar harus menghayati satu dialog daripada filem Hang Tuah, iaitu “tidak akan hilang Melayu ditelan zaman.” Oleh itu, faktor pelajar tidak menggunakan bahasa Melayu secara lisan dengan baik kerana penggunaan bahasa Inggeris ketika komunikasi

Persembahan isi di atas bercampuraduk. Isi utamanya menyentuh penggunaan bahasa asing namun huraian tidak menyokong isi utama, sebaliknya bercampuraduk dengan langkah yang boleh diambil. Perenggan dalam contoh 2 boleh diperbaiki pengolahannya, seperti dalam contoh 3:

Contoh 3

Masalah ini juga berpunca daripada kebiasaan menggunakan bahasa ibunda. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum sudah tentu mempuyai bahasa ibunda masing-masing. Bahasa Cina merupakan bahasa ibunda bagi orang Cina, manakala bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda bagi orang India. Lazimnya, mereka akan menggunakan bahasa ibunda masing-masing apabila berkomunikasi di rumah atau juga dengan rakan-rakan sebangsa. Ertinya, mereka jarang-jarang menggunakan bahasa Melayu, kecuali semasa mempelajari Bahasa

Melayu di sekolah. Situasi ini mengakibatkan golongan ini berasa kurang yakin dan tidak dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik.

Selain kelemahan dalam pengolahan isi, terdapat sesetengah calon yang mengemukakan isi yang kurang tepat dan tidak memenuhi kehendak soalan, misalnya:

- (a) Pengaruh rakan sebaya
- (b) Pelajar tidak mempunyai pengetahuan am kerana tidak membaca
- (c) Pelajar kurang mahir bertutur dalam bahasa Melayu
- (d) Pelajar tidak mengambil berat percakapan bahasa Melayu
- (e) Pihak atasan tidak dapat menjadi contoh penggunaan lisan
- (f) Pelajar lebih banyak bersendirian di dalam bilik
- (g) Pelajar terpengaruh dengan budaya hidup barat

Selain itu, terdapat juga segelintir calon yang mengemukakan jawapan tentang kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu secara umum dan tidak memfokuskan aspek lisan. Jawapan yang sedemikian tidak diberikan sebarang markah.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menulis sebuah esei tentang langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah dalam peningkatan kos sara hidup. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- IS1 Memperbanyak program untuk melatih mereka menjadi usahawan kecil dan sederhana
- IS2 Menyediakan keperluan asas pada kos yang berpatutan
- IS3 Menyediakan perkhidmatan awam dengan harga yang berpatutan/secara percuma
- IS4 Membina lebih banyak rumah mampu milik
- IS5 Mengagihkan bantuan wang tunai secara bersasar
- IS6 Mengawal harga barang keperluan asas di seluruh negara
- IS7 Menyediakan subsidi pengangkutan dan minyak kenderaan
- IS8 Meningkatkan pelepasan cukai bagi beberapa perkara tertentu
- IS9 Meminimumkan syarat pinjaman di institusi kewangan

Ada segelintir calon yang dapat mengemukakan sekurang-kurangnya lima isi dengan betul. Namun demikian, walaupun isi yang dikemukakan itu sesuai, huraianya tidak jelas kerana isi yang dikemukakan itu bercampur aduk antara langkah dengan aspek lain yang kurang berkaitan. Contoh perenggan isi yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Di samping itu, membuka peluang pekerjaan. Pada hari ini ramai penduduk negara ini yang menganggur kerana tiada pekerjaan. Golongan ini tidak memperoleh pendapatan yang tetap. Apabila peningkatan kos sara hidup terus meningkat ini memberi kesukaran kepada mereka untuk terus hidup di zaman serba maju ini. Walaupun pekerjaan pada hari ini boleh disifatkan seperti cendawan tumbuh selepas hujan, namun masih tidak mampu untuk memenuhi permintaan rakyat Malaysia. Kesannya mereka akan kesempitan hidup akibat tiada punca pendapatan untuk menyara kehidupan. Jelaslah membuka peluang pekerjaan merupakan langkah yang dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah.

Isi dalam perenggan contoh 1 boleh dipersembahkan dengan lebih baik, iaitu seperti yang berikut:

Contoh 2

Pihak kerajaan seharusnya mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan, khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu, pihak yang berkenaan boleh membuka lebih banyak kilang perusahaan. Pihak kerajaan juga boleh menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat untuk mengusahakan aktiviti pertanian atau ternakan. Kemudahan tersebut termasuklah bantuan kewangan, peralatan, dan juga kepakaran. Dengan demikian, lebih banyak anggota masyarakat mendapat pekerjaan dan memperoleh pendapatan. Pendek kata, langkah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dan seterusnya dapat mengimbangi peningkatan kos sara hidup pada masa ini.

Contoh 3

Seterusnya, langkah yang boleh dilakukan kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah adalah dengan memberikan bantuan wang tunai kepada mereka. Perkara ini kerana pemberian wang tunai dapat membantu golongan tersebut menambahkan pendapatan dan dapat menyara kehidupan mereka. Di samping itu, pemberian berbentuk wang ini dapat membuka mata kerajaan bahawa terdapat ramai di antara rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah. Jelasnya pemberian bantuan berupa wang tunai akan membantu golongan yang berpendapatan rendah ini menghadapi peningkatan kos sara hidup di negara ini.

Kelemahan calon seperti dalam contoh di atas amat ketara. Kegagalan calon memahami dan mengamalkan kaedah huraian isi yang berkesan merupakan faktor utama kelemahan tersebut terjadi. Kelemahan binaan ayat pula menjejaskan kualiti esei secara keseluruhannya.

Ada calon yang bukannya mengemukakan isi berkenaan dengan langkah untuk membantu golongan berpendapatan rendah, sebaliknya mereka mengemukakan langkah untuk membantu firma. Hal ini berkemungkinan kerana pelajar berkenaan merupakan pelajar jurusan ekonomi. Walaupun huraian yang dikemukakan menyokong isi utama dan betul dari segi faktanya, calon tetap tidak diberikan markah kerana mereka tidak menjawab kehendak soalan. Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang kurang sesuai, antaranya:

- (a) Kerajaan menguatkuasakan undang-undang kepada peniaga yang menaikkan harga barangan
- (b) Kerajaan mengadakan kempen berjimat cermat
- (c) Kerajaan dicadangkan agar mengurangkan import barangan
- (d) Kerajaan memberikan subsidi kepada firma supaya firma boleh menambahkan produktiviti

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menulis sebuah esei tentang punca berlakunya penularan sesuatu jenis penyakit. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- IS1 Amalan hidup negatif
- IS2 Tidak mengambil suntikan imunisasi
- IS3 Sentuhan dengan haiwan yang merebakkan penyakit
- IS4 Penggunaan air/makanan yang tercemar
- IS5 Sentuhan atau hubungan dengan pesakit

- IS6 Perkongsian penggunaan barangan dengan pesakit
- IS7 Tiada usaha pencegahan pada peringkat awal (mengabaikan prosedur operasi standard/SOP)
- IS8 Tidak menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala
- IS9 Kurang menjaga kebersihan diri dan persekitaran
- IS10 Pencemaran udara (menyebabkan penyakit hepatitis/influenza/batuk/tibi)

Ada calon yang dapat mengemukakan isi yang tepat, dengan bilangan yang mencukupi. Ada antara calon yang dapat memberikan contoh yang relevan dengan huraian yang dikemukakan. Ada calon yang memberikan isi yang jelas tiada kaitan dengan penularan penyakit, contohnya tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Mereka mengaitkan isi ini dengan sikap masyarakat yang tidak bersenam akan menyebabkan penyakit diabetes dan jantung. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak benar-benar memahami kehendak soalan. Selain itu, calon memberikan isi yang sama, iaitu aspek tidak menjaga kebersihan dalam tiga perenggan isi yang berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka membahagikan aspek kebersihan kepada kebersihan persekitaran, kebersihan diri dan kebersihan premis makanan. Hal ini amat merugikan calon kerana sebenarnya ketiga ini merupakan aspek yang sama, iaitu aspek kebersihan.

Sebahagian besar calon tidak dapat menghuraikan isi yang dikemukakan dengan betul. Setelah mengemukakan faktor dan memperkatakannya dua atau tiga ayat, calon mula menulis apa-apa sahaja yang dianggap berkaitan, termasuklah kesan, langkah, dan lain-lain.

Contoh 1

Antara faktor perdana penularan wabak penyakit yang telah dikenal pasti adalah keadaan persekitaran yang tidak terjaga. Hal ini dikatakan demikian kerana persekitaran yang kotor dan tidak terurus akan menyumbang kepada kedatangan haiwan seperti tikus dan lipas. Misalnya sebuah restoran yang tidak menjaga kebersihan dengan baik akan dikunjungi oleh haiwan seperti tikus. Kedatangan haiwan-haiwan seperti ini pasti akan menyebabkan tularnya melalui media massa. Keadaan ini akan merugikan restoran tersebut kerana pengunjung tidak akan datang. Oleh itu, penularan wabak penyakit adalah berpunca dari kegagalan peniaga menjaga kebersihan restorannya.

Contoh 2

Selain itu, punca penularan penyakit berjangkit disebabkan individu yang tidak melakukan rutin kesihatan setiap enam bulan sekali setiap tahun di pusat kesihatan. Hal ini dikatakan demikian kerana pemeriksaan kesihatan secara berkala sangat penting untuk mengetahui status kesihatan sendiri sama ada berada dalam kesihatan yang baik atau parah. Misalnya setiap individu perlu melakukan pemeriksaan darah untuk memastikan tekanan darah berada dalam paras stabil. Penting bagi setiap individu melakukan pemeriksaan kesihatan kerana bak kata pujangga “mencegah lebih baik daripada mengubati.”

Contoh 1 dan contoh 2 menunjukkan bahawa calon mempunyai idea untuk memperkatakan isi tersebut. Namun begitu, pada keseluruhannya, persembahannya kurang jelas dan kurang berkesan kerana kelemahan bahasanya. Berdasarkan perenggan di atas, jelas sekali calon tersebut tidak memahami cara huraian isi yang betul dan berkesan. Yang berikut pula ialah contoh perenggan isi yang diolah dengan baik:

Contoh 3

Punca penyakit berjangkit yang utama dalam masyarakat pada masa kini adalah disebabkan oleh persekitaran alam sekitar yang tidak bersih. Hal ini disebabkan oleh pencerobohan haram oleh pendatang asing di negara kita. Selain itu, mereka membuang sampah di merata-rata tempat menyebabkan gejala penyakit berjangkit terus berlaku dari semasa ke semasa. Sampah sarap yang dibuang ke dalam sungai menyebabkan air sungai menjadi kotor sehingga membunuh ikan dan hidupan air yang lain. Keadaan ini merugikan masyarakat dan negara kerana kehilangan sumber protein. Pihak kerajaan hendaklah menangani masalah ini untuk mengelakkan penularan penyakit berjangkit.

Segelintir calon pula tidak memfokuskan punca penularan penyakit berjangkit tetapi memperkatakan punca penyakit secara umum. Oleh sebab itu, ada antara isi yang dikemukakan itu tidak relevan, antaranya termasuklah:

- (a) Tidak mengamalkan aktiviti senaman
- (b) Tidak cukup rehat dan kurang tidur
- (c) Tidak mengamalkan pemakanan seimbang

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 30,450 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.23% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	11.50	4.91	8.74	6.95	11.51	15.76	10.86	3.44	9.45	2.61	14.28

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	11	D	21	D
2	C	12	A	22	B
3	D	13	A	23	C
4	B	14	B	24	A
5	C	15	D	25	A
6	D	16	C	26	D
7	B	17	D	27	B
8	C	18	A	28	C
9	C	19	B	29	B
10	B	20	A	30	A

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah baik. Seramai 20 orang calon memperoleh markah penuh, iaitu 30 markah. Hanya terdapat dua orang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, soalan 3, 4, 12, 13, 20, 23, 24 dan 26 merupakan soalan mudah kerana lebih 70% dapat menjawabnya dengan betul. Soalan lain pula merupakan soalan sederhana kerana hanya antara 40% hingga 60% calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi berjaya memperoleh markah melebihi 20 markah. Kebanyakan calon memperoleh markah antara 10 hingga 20 markah. Calon yang lemah pula memperoleh markah antara 0 hingga 5 markah. Sebahagian calon nampaknya menguasai aspek-aspek yang ditanya, memahami kehendak soalan dengan baik, mampu menggunakan istilah dengan betul dan dapat menjawab soalan dengan menggunakan binaan ayat yang gramatis. Jawapan yang diberikan oleh calon dapat memberikan gambaran tentang penguasaan mereka dalam tajuk Morfologi dan Sintaksis, serta tahap persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan kertas ini. Calon yang cemerlang boleh dikatakan bahawa telah membuat persiapan rapi. Mereka dapat menguasai tajuk-tajuk dalam sukatan lantas berjaya memberikan jawapan yang tepat sepertimana yang dikehendaki oleh setiap tugas dalam soalan. Mereka berupaya untuk memahami kehendak soalan, memanfaatkan bahan-bahan rangsangan, menggunakan istilah yang betul, memberikan contoh perkataan yang tepat, membina contoh ayat yang gramatis dan menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan. Mutu jawapan yang baik dapat dilihat dengan agak ketara untuk soalan 32, 35, 36, 37 dan 39. Bagi soalan 37, 38 dan 40 pula, mutu jawapan calon dapat dikatakan sederhana.

Ada juga jawapan yang betul yang terpaksa ditolak kerana kecuaian calon untuk mematuhi aspek teknikal yang berkaitan dengan ejaan bagi istilah-istilah tertentu dan sistem tanda baca dan tulisan bagi ayat. Dalam konteks ini, calon memulakan ayat dengan huruf kecil dan tidak mengeja istilah dengan betul serta meninggalkan atau menambah unsur ketika proses menyalin semula ayat daripada rangsangan dan petikan. Berlaku kecenderungan dalam kalangan calon yang tidak menguasai tajuk-tajuk Morfologi dan Sintaksis untuk memberikan jawapan yang terpesong jauh daripada kehendak soalan dan sukatan pelajaran. Jawapan yang menyimpang dapat dilihat pada istilah yang dicipta secara sewenang-wenangnya, contoh yang tidak tepat, binaan ayat yang tidak gramatis serta tidak menepati ciri struktur yang dikehendaki soalan dan kegagalan mengesan, memberikan sebab kesalahan dan membuat pembetulan bagi soalan analisis kesalahan bahasa.

Terdapat kecenderungan yang agak ketara dalam kalangan calon yang lemah untuk tidak meneliti dan memahami kehendak soalan dengan sebaik mungkin, seperti yang berlaku untuk soalan 33, 34 dan 37. Ada juga calon yang tidak tahu untuk menaakul bahan-bahan rangsangan, seperti dalam soalan 32 dan 39 untuk digunakan sebagai klu dan sumber maklumat dalam proses memberikan jawapan yang betul. Dalam kalangan calon yang lemah ini, ada juga yang tidak berusaha untuk menjawab soalan dengan sepenuhnya atau mereka membiarkan ruang jawapan kosong, terutamanya bagi soalan analisis kesalahan bahasa.

Komen soalan demi soalan

Soalan 31

31

Buah langsung kuning mencelah,
Senduduk tidak berbunga lagi;
Sudah dapat gading bertuah,
Tanduk tidak berguna lagi.

Soalan (a) menghendaki calon menulis satu morfem bebas dan soalan (b) menghendaki calon menulis satu kata akar berdasarkan pantun yang diberikan dalam soalan. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Buah/tanduk/gading/kuning
- (b) Tuah/celah/guna

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan calon dapat menyatakan satu morfem bebas dan satu kata akar dengan betul dan tepat. Namun demikian, terdapat juga sebilangan calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Terdapat calon yang menyalin beberapa kerat pantun tersebut sebagai jawapan. Ini menunjukkan calon tidak menguasai konsep morfem secara keseluruhannya. Ada calon yang bukannya menulis morfem bebas atau kata akar, sebaliknya mereka menyalin semula baris pantun. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan dalam bentuk frasa. Ada juga calon yang memberikan kata terbitan untuk morfem bebas dan juga kata akar. Ada pula calon yang memberikan jawapan yang nyata salah.

Ketidaktelitian calon ketika menjawab soalan menyebabkan mereka memberikan jawapan yang tidak tepat. Contohnya, ada yang menulis morfem bebas dalam ruang jawapan untuk kata akar. Ada calon yang memberikan jawapan yang salah ejaannya, walaupun tugas mereka hanya menyalin perkataan yang terdapat dalam pantun. Selain itu, ada calon yang tidak menggunakan rangsangan (pantun) yang diberikan dalam soalan. Buktinya, mereka memberikan contoh morfem bebas dan kata akar yang tiada dalam pantun. Ada segelintir calon pula yang memberikan jawapan yang menunjukkan bahawa mereka langsung tidak mengetahui morfem bebas dan kata akar. Mereka memberikan jawapan secara sembarangan dan jauh terpesong daripada tajuk Morfologi. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (a) Buah langsung kuning mencelah
- (b) Senduduk tidak berbunga lagi

Contoh 2


- (a) ganding
- (b) seduduk

Contoh 3

- (a) makan
- (b) juang

Soalan 32

Soalan ini berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan (a) menghendaki calon menamakan jenis kata majmuk yang diwakili oleh Y dan Z, dan soalan (b) menghendaki calon memberikan satu contoh bagi jenis kata majmuk yang diwakili oleh Y. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 3 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Y: Kata majmuk istilah khusus
(ii) Z: Kata majmuk yang membawa maksud kiasan
- (b) Lut sinar

Ramai calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Dengan itu, ramai calon yang berupaya mendapat 3 markah. Hal ini menunjukkan, ramai calon boleh mengenal pasti jenis-jenis kata majmuk dan memberikan contoh kata majmuk. Antara contoh kata majmuk istilah khusus yang diberikan oleh calon ialah pita suara, ketua menteri, jalur lebar, papan kekunci, kertas kerja, lut sinar dan mata pelajaran. Namun demikian, ada juga segelintir calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis-jenis kata majmuk ini. Berdasarkan jawapan yang dipamerkan, kelemahan utama calon ialah penguasaan yang masih sangat lemah dalam topik-topik Morfologi, seperti bentuk kata dan golongan kata sehingga istilah Morfologi dan istilah Sintaksis bercampur aduk dan bertukar-tukar. Kelemahan ini terlihat dalam jawapan calon, seperti yang berikut:

- (a) (i) Y: pancangan/kata majmuk gabungan/kata majmuk relatif/kata majmuk terbitan/kata majmuk adjektif/kata transitif/kata majmuk campuran/kata majmuk penerang
(ii) Z: campuran/ kata majmuk gabungan /kata majmuk komplemen/kata majmuk berpelengkap/ kata majmuk sendi nama/kata adjektif/kata majmuk berganda
- (b) Contoh Y:
(i) Tidak lama lagi pilihan raya akan diadakan.
(ii) Perkeso telah banyak mmbantu rakyat di negara Malaysia.

Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang jauh terpesong seperti menamakan Y sebagai pokok kelapa dan Z sebagai pilihan raya dan seterusnya contoh bagi Y seperti anak angkat/rumah tangga/merah menyala/hitam legam/tanggungjawab. Ada calon yang jawapannya masih dalam lingkungan konsep kata majmuk, namun calon tidak dapat menulis istilah yang tepat. Sebagai contoh, calon menulis jawapan seperti yang berikut:

- (i) Y: kata majmuk berdasarkan istilah khusus/kata majmuk rangkai kata khusus/kata majmuk kiasan/kata majmuk bebas
(ii) Z: kata majmuk rangkai kata bebas

Soalan 33

I	Faris menggunakan selimut itu untuk melindungi dirinya daripada <i>kedinginan</i> .
II	Walaupun telah memakai baju yang tebal, adik masih <i>kedinginan</i> .

Soalan ini menghendaki calon menyatakan golongan kata bagi perkataan yang berhuruf condong dalam ayat I dan ayat II. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Kata nama
(b) II: Kata kerja

Calon yang berprestasi tinggi dapat membezakan kedua-dua golongan kata tersebut berdasarkan unsur-unsur yang membentuk frasa berkenaan. Perkataan kedinginan dalam ayat I digandingkan dengan kata sendi nama yang hadir sebelumnya untuk membentuk frasa sendi nama, manakala perkataan kedinginan dalam ayat II pula digandingkan dengan kata bantu yang hadir sebelum kata tersebut untuk membentuk frasa kerja. Ini menjadi petunjuk untuk pelajar mengenal pasti golongan kata bagi kedua-dua perkataan tersebut.

Calon yang lemah tidak dapat memahami petunjuk tersebut. Hal ini menyebabkan mereka memasukkan perkataan kedinginan ke dalam golongan kata adjektif. Terdapat juga calon yang tertukar antara jawapan (a) dan (b). Ini menunjukkan bahawa pemahaman calon masih lagi rendah kerana mereka tidak dapat membezakan kata nama dan kata kerja. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang jauh menyimpang dari soalan yang ditanya. Ada calon yang bukannya memberikan golongan kata, sebaliknya mereka memberikan istilah rekaan sendiri. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (a) Golongan kata penerbitan
- (b) Golongan kata pemajmukan

Contoh 2

- (a) Terbahagi
- (b) Kompleks

Contoh 3

- (a) Golongan kata berpelengkap
- (b) Golongan kata keterangan

Soalan 34

anak

Soalan ini menghendaki calon membina satu kata ganda penuh, satu kata ganda separa dan satu kata ganda berentak, dengan menggunakan perkataan di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	Jenis kata ganda	Contoh
(a)	Kata ganda penuh	Anak-anak
(b)	Kata ganda separa	Anak-beranak/keanak-anakan/anak-anakan
(c)	Kata ganda berentak	Anak-pinak/beranak-pinak

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka yang memahami kehendak soalan dapat membina kata ganda seperti yang diminta. Namun demikian, ada calon yang tidak benar-benar memahami kehendak soalan. Buktinya, mereka membina ayat yang mengandungi kata ganda. Walaupun kata ganda yang terdapat dalam ayat berkenaan adalah betul, calon tidak diberikan markah kerana mereka tidak mematuhi arahan soalan. Ada pula calon yang cuai. Mereka tidak menggunakan

perkataan “anak” untuk membina kata ganda, sebaliknya mereka memberikan contoh kata ganda yang pelbagai, seperti rumah-rumah, lauk-pauk dan berlari-lari. Selain itu, ada calon yang menggunakan perkataan “anak”, tetapi memberikan contoh yang bukan kata ganda atau kata ganda yang salah, seperti keanakkan/beranak-anak/anak emas. Semua ini menunjukkan bahawa calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak menguasai konsep kata ganda.

Soalan 35

- (a) Bilik ini belum cukup sejuk.

Soalan (a) menghendaki calon menulis predikat yang terdapat dalam ayat di atas.

- (b) Sedang berehat pekerja itu.

Soalan (b) pula menghendaki calon menulis subjek yang terdapat dalam ayat di atas. Jumlah markah untuk soalan 35 ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) belum cukup sejuk
(b) pekerja itu

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka dapat mengenal pasti predikat dalam ayat (a) seterusnya mengenal pasti subjek dalam ayat (b). Hal ini menunjukkan bahawa calon dapat mengesan subjek dan predikat dalam ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat mengenal pasti subjek dan predikat dalam ayat ini. Untuk ayat (a), ada calon yang menulis “bilik ini” sebagai predikat, manakala untuk ayat (b), ada calon yang memberikan “sedang berehat” sebagai subjek ayat. Ini bermakna, calon tersebut tidak mengetahui bahawa ayat tersebut ialah ayat susunan biasa atau ayat songsang, yang dikedepankan keseluruhan predikatnya. Selain itu, ada juga calon yang mengemukakan frasa yang tidak lengkap, contohnya “cukup sejuk” atau “pekerja”; dan akhir sekali, ada juga calon yang menyalin semula ayat tersebut dengan mengubah susunan asal ayat berkenaan. Ini dapat dilihat dalam contoh tersebut:

- (a) Belum cukup sejuk bilik ini.
(b) Pekerja itu sedang berehat.

Soalan 36

- (a) Siva bukan pelajar sekolah itu.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan sama ada ayat di atas merupakan ayat dasar atau ayat tunggal. Soalan (b) pula menghendaki calon membina satu ayat yang menepati pola ayat dasar FN + FS dan satu ayat yang menepati pola ayat dasar FN + FA. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 3 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Ayat tunggal
(b) (i) Ali di sekolah.
(ii) Pemuda itu sangat kacak.

Kebanyakan calon boleh mengenal pasti bahawa ayat (a) ialah ayat tunggal. Hal ini dikatakan demikian kerana ayat tersebut mengandungi kata nafi “bukan” yang merupakan penanda bahawa ayat tersebut bukan ayat dasar. Ayat tersebut merupakan ayat nafi. Untuk soalan (b) pula, calon boleh membina ayat-ayat mudah, seperti yang berikut:

- (i) FN + FS
 - Kerusi itu di dalam dewan.
 - Abang di dalam bilik.
- (i) FN + FA
 - Buah manggis itu manis.
 - Perempuan itu cantik.

Calon yang lemah membuat kesilapan dengan menyatakan ayat (a) sebagai ayat dasar. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang menyimpang dari soalan yang ditanya, iaitu ayat aktif dan ayat majmuk. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan calon mengambil sikap sambil lewa ketika membaca rangsangan, ataupun calon memang tidak tahu membezakan ayat tunggal dengan ayat dasar. Untuk soalan (b) pula, calon lemah tidak dapat membina ayat yang betul. Ada segelintir calon yang bukan membina ayat dasar, sebaliknya mereka membina ayat majmuk. Ada pula calon yang membina ayat dasar namun ayat berkenaan tidak menepati pola yang dikehendaki oleh soalan. Ada sebilangan kecil calon yang ayatnya tepat namun mereka tidak mendapat markah kerana mereka memulakan ayat dengan huruf kecil. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) FN + FS
 - Adik ke sekolah dengan menaiki basikal
 - Aina lari dari rumah.
 - Cikgu Rohaya menulis surat kepada adiknya.
 - Abang berehat di bawah pokok
- (i) FN + FA
 - Rumah yang terletak di atas bukit itu sungguh besar
 - Aiman menangis kesakitan.
 - Kakak saya sangat cantik walaupun berumur.
 - Ali merupakan seorang pelajar yang pandai.

Soalan 37

Menara pemancar di atas bukit itu tumbang pada petang semalam.

Soalan ini menghendaki calon menyongsangkan ayat di atas melalui proses (a) pendepanan seluruh predikat dan proses (b) pendepanan sebahagian predikat. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Untuk menjawab kedua-dua soalan ini, calon tidak boleh tersalah mengeja perkataan atau tertinggal mana-mana bahagian jawapan yang terdapat dalam rangsangan semasa menyongsangkan ayat tersebut. Kesilapan ini tidak wajar berlaku kerana calon hanya menyalin ayat tersebut kembali semasa membuat penyongsangan. Calon juga tidak boleh mengabaikan tanda baca. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Tumbang pada petang semalam menara pemancar di atas bukit itu. *atau*
 (ii) Pada petang semalam tumbang menara pemancar di atas bukit itu.
- (b) (i) Pada petang semalam menara pemancar di atas bukit itu tumbang. *atau*
 (ii) Tumbang menara pemancar di atas bukit itu pada petang semalam.

Calon yang menguasai tajuk ayat songsang dapat menjawab kedua-dua soalan ini dengan tepat. Mereka boleh mengenal pasti susunan konstituen songsang dengan mudah dan dapat mengedepankan keseluruhan predikat atau sebahagian predikat seperti yang diminta.

Calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan (a) dan (b). Terdapat calon yang mengedepankan sebahagian unsur subjek. Ada calon yang tersalah menyusun konstituen subjek dan predikat. Ada calon yang memecahkan unsur subjek, menyebabkan susunan konstituen ayatnya menjadi tidak tepat. Ini menunjukkan bahawa calon tidak dapat mengenali unsur yang sepatutnya disongsangkan. Terdapat juga calon yang mengabaikan tanda baca. Ada calon yang cuai ketika menjawab soalan. Walaupun tugas mereka hanyalah menyalin semula ayat, namun ada unsur yang tertinggal. Ada pula calon yang memulakan ayat dengan huruf kecil. Kesilapan begini menyebabkan calon kehilangan markah. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (a) Di atas bukit itu menara pemancar tumbang pada petang semalam.
 (b) Menara pemancar tumbang pada petang semalam di atas bukit itu

Contoh 2

- (a) Di atas bukit itu tumbang pada petang semalam.
 (b) Tumbang pada petang semalam.

Contoh 3

- (a) Pada petang semalam, menara pemancar di atas bukit itu.
 (b) Pada petang semalam, menara pemancar tumbang di atas bukit itu.

Soalan 38

I	Ayat aktif transitif
II	Ayat aktif tak transitif

Soalan ini menghendaki calon membina satu ayat untuk I dan satu lagi ayat untuk II. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Ayat aktif transitif
- (i) Bahan itu memusnahkan flora dan fauna.
 - (ii) Hafiz menghadahi ibunya seuntas rantai.
 - (iii) Mereka sedang membincangkan isu rasuah.
 - (iv) Pemain bola sepak itu tersepak kaki pemain lawan.
- (b) II: Ayat aktif tak transitif
- (i) Gadis itu berkain batik.

- (ii) Sukarelawan itu sedang bertugas di tempat kejadian.
- (iii) Haiwan liar itu berlari ke dalam hutan.
- (iv) Kedua-dua orang pelajar itu ingin menjadi anggota tentera.
- (v) Dia sedar bahawa tindakannya itu menyalahi undang-undang.
- (vi) Bayi itu tertidur.

Ada segelintir calon yang dapat membina ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif dengan tepat. Mereka dapat membezakan kedua-dua jenis ayat aktif ini berdasarkan kata kerja yang digunakan dan ayat yang dibina. Ayat yang dibina gramatis dari segi struktur dan semantiknya. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Ayat aktif transitif
 - (i) Ibu memasak nasi.
 - (ii) Abu mencuci kereta.
 - (iii) Lukman mencari kunci rumahnya yang hilang.
- (b) II: Ayat aktif tak transitif
 - (i) Adi bermain bola.
 - (ii) Aliff sedang tidur.
 - (iii) Datuk beransur sihat

Ada calon yang tidak dapat membezakan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan secara terbalik. Ada pula calon yang membina ayat dengan menggunakan kata kerja pasif. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:


- (i) Jambatan yang rosak itu dinaiki air.
- (ii) Ikan digoreng oleh ibu.

Terdapat juga calon yang membina ayat yang tidak gramatis, seperti dalam contoh berikut:

- (i) Abang main bola di padang.
- (ii) Ayah sedang makan.

Ayat “Abang main bola di padang.” berbentuk kolokial kerana tidak menggunakan imbuhan ber-..., manakala ayat “Ayah sedang makan.” pula tidak menggunakan objek. Oleh itu, kedua-dua ayat ini tidak diberikan sebarang markah.

Soalan 39



Soalan (a) menghendaki calon menamakan ayat majmuk pancangan Q dan soalan (b) menghendaki calon membina satu ayat bagi Q. Jumlah markah bagi soalan ini ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Ayat majmuk pancangan relatif
- (b) (i) Lelaki yang tinggi itu abang saya.
- (ii) Yang tinggi itu abang saya.
- (iii) Dia memandu kereta yang mewah itu.

Kebanyakan calon boleh mengenal pasti ayat majmuk Q. Bagi soalan yang kedua pula, sebahagian calon dapat membina ayat majmuk relatif yang betul, contohnya:

- (i) Mastura seorang pelajar yang rajin.
- (ii) Lelaki yang kacak itu abang saya.
- (iii) Yang datang ke kelas tadi abang saya.

Calon yang lemah tidak dapat mengenal pasti ayat majmuk relatif. Ada yang boleh mengenal pasti ayat tersebut sebagai ayat majmuk relatif tetapi tidak menjawabnya dengan menggunakan istilah yang betul seperti yang dikehendaki. Mereka hanya memberikan jawapan “ayat relatif” yang bukan merupakan jawapan yang tepat. Ada juga calon yang cuai ketika menamakan ayat majmuk relatif. Mereka melakukan kesalahan ejaan pada istilah “relatif”. Selain itu, ada calon yang mereka-reka istilah sendiri, contohnya ayat majmuk satuan. Hal ini menunjukkan bahawa ada calon yang tidak menguasai tajuk bentuk ayat.

Dari segi binaan ayat pula, ada calon yang bukannya membina ayat majmuk relatif, sebaliknya mereka membina ayat majmuk campuran. Ada calon yang membina ayat majmuk relatif dengan struktur nahu yang salah. Contohnya, “Naim yang memakai baju warna merah itu.” Ayat ini merupakan ayat yang telah mengalami proses transformasi dan harus ditulis sebagai “Naimlah yang memakai baju berwarna merah itu.” Ayat ini terhasil daripada struktur asalnya “Yang memakai baju berwarna merah itu Naim.” Kesilapan seperti ini berlaku kerana calon tidak sedar bahawa struktur “Naim yang memakai baju warna merah itu.” mempunyai struktur asal yang berbeza. Selain itu, ada calon yang membina ayat tunggal. Contoh ayat lain yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Pelajar itu tidak hadir ke sekolah.
- (ii) Surat itu dihantar melalui pejabat pos.
- (iii) Guru besar itu memiliki kereta yang mewah dan mahal harganya.

Soalan 40

Pengubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Dasar ini dapat menjadi garis panduan membentuk dan mewujudkan bangsa yang bersatu padu. Malahan dasar ini bertujuan untuk mengekalkan identiti negara dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat majmuk. Walau bagaimanapun, dasar ini adalah rumit dan tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan di atas, menulis kesalahan tersebut, menjelaskan sebab kesalahan dan membuat pembetulannya. Terdapat tiga kesalahan dalam petikan tersebut. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 9 markah. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1.	Penggubalan	Tidak menggunakan imbuhan <i>peng-...-an</i> bagi kata dasar yang bermula dengan huruf /g/	Penggubalan
2.	...menjadi garis panduan membentuk...	Tidak menggunakan kata hubung pancangan (keterangan) dalam ayat majmuk. <i>atau</i> Tidak menggunakan kata hubung <i>untuk/bagi</i> dalam ayat majmuk.	...menjadi garis panduan untuk/bagi membentuk...
3.	Malahan dasar ini...	Menggunakan kata hubung sebagai penanda wacana <i>atau</i> Menggunakan <i>malahan</i> sebagai penanda wacana	Di samping itu/Selain itu/ dasar ini bertujuan...

Kebanyakan calon memperoleh 2 hingga 6 markah untuk soalan ini. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti kesalahan dan membuat pembetulan untuk kesalahan nombor 1 dan nombor 2. Sesetengah calon pula dapat menyatakan sebab kesalahan bagi jawapan tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1.	Penggubalan Dasar Kebudayaan...	Tidak menggunakan imbuhan <i>peng-...-an</i> bagi kata dasar yang bermula dengan huruf /g/	Penggubalan Dasar...
2.	Dasar ini dapat menjadi garis panduan membentuk dan mewujudkan bangsa yang bersatu padu	Kesalahan tidak menggunakan kata hubung 'untuk' dalam ayat majmuk.	Dasar ini dapat menjadi garis panduan untuk/ bagi membentuk dan mewujudkan bangsa yang bersatu padu

Berdasarkan contoh tersebut, kebanyakan calon boleh mendapat markah pada bahagian kesalahan jika mereka menyalin keseluruhan ayat yang memang terdapat kesalahan di dalamnya. Namun begitu, jarang-jarang calon boleh menyatakan sebab kesalahan walaupun mereka boleh mengenal pasti kesalahan. Sesetengah calon boleh menyatakan kesalahan ke-3 dan membuat pembetulan, iaitu:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1.	Malahan dasar ini...	Menggunakan kata hubung sebagai penanda wacana	Di samping itu/Selain itu/ Dasar ini juga bertujuan...

Namun begitu, tidak ramai yang boleh menyatakan sebab kesalahannya. Antara contoh jawapan calon yang diterima adalah seperti berikut:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1.	Dasar ini dapat menjadi garis panduan membentuk dan mewujudkan bangsa yang bersatu padu	Kesalahan tidak menggunakan kata hubung 'untuk' dalam ayat majmuk.	Dasar ini dapat menjadi garis panduan bagi membentuk dan mewujudkan bangsa yang bersatu padu
2.	Malahan dasar ini bertujuan untuk mengekalkan identiti	Kesalahan menggunakan kata hubung 'malahan' sebagai penanda wacana	Dasar ini bertujuan untuk mengekalkan identiti
3.	Walaupun bagaimanapun, dasar ini adalah rumit	Kesalahan tidak menggabungkan kata majmuk mantap	Walaupun bagaimanapun, dasar ini adalah rumit

Untuk soalan ini, sebahagian besar calon tergolong dalam kategori lemah. Kebanyakan calon hanya dapat mengesan satu atau dua kesalahan dan tidak berjaya memberikan sebab kesalahan dan membuat pembetulan dengan tepat. Ada calon yang dapat mengesan ketiga-tiga kesalahan tetapi gagal untuk menyatakan sebab kesalahan dan membuat pembetulan. Sesetengah calon mengemukakan kesalahan tanpa berlandaskan tatabahasa tetapi dengan cara agakan sahaja. Ada calon yang langsung tidak dapat mengesan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan tatabahasa mereka amat lemah. Ada calon yang dapat mengesan kesalahan, namun kesalahan tersebut tidak ditulis dengan lengkap, begitu juga dengan pembetulannya. Hal ini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah. Ada calon yang memberikan sebab kesalahan yang terlalu umum, juga menyebabkan mereka tidak mendapat markah untuk sebab kesalahan. Terdapat juga segelintir calon yang menyalin keseluruhan ayat bagi jawapan tertentu, namun mereka menggariskan contoh yang salah pada ayat tersebut. Cara begini amat merugikan calon kerana mereka pada awalnya berpotensi untuk mendapat markah, namun bahagian ayat yang digaris itu adalah salah. Perkara ini menyebabkan mereka tidak diberikan markah. Contohnya,

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1.	Pengubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah <u>negara membangun</u> yang mempunyai penduduk berbilang kaum. [0]		
2.	Dasar ini dapat menjadi <u>garis panduan</u> membentuk dan mewujudkan bangsa yang bersatu padu. [0]		
3.	Malahan <u>dasar ini</u> bertujuan untuk mengekalkan identiti negara dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat majmuk. [0]		

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 29,791 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.38% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	18.00	6.80	7.16	7.91	11.42	7.16	9.93	8.33	11.08	4.88	7.33

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	C
2	C	12	D
3	C	13	B
4	C	14	B
5	A	15	B
6	D	16	D
7	B	17	A
8	D	18	A
9	C	19	A
10	A	20	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah baik. Terdapat 94 orang calon yang memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 12 orang calon pula memperoleh markah terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa kebanyakan soalan merupakan soalan aras sederhana, kecuali soalan 1, 6, 9, 13, 16 dan 18. Soalan-soalan ini merupakan soalan aras mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 19 pula merupakan soalan aras sukar kerana kurang 30% calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan struktur yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 45 markah. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Mutu jawapan calon adalah selaras dengan tahap prestasi calon. Tahap prestasi calon dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu baik, sederhana dan lemah. Tahap baik ialah calon yang dapat menjawab sebahagian besar soalan dengan tepat. Calon pada tahap ini mendapat markah 30 dan ke atas. Tahap sederhana ialah calon yang hanya dapat menjawab sebahagian soalan sahaja yang membolehkan mereka mendapat markah 11- 29, dan tahap lemah ialah calon-calon yang tidak dapat menjawab soalan dengan tepat dan juga calon yang langsung tidak menjawab soalan yang dikemukakan. Calon pada tahap ini mendapat 0 – 10 markah. Dari segi perancangan, terdapat segelintir calon yang tidak menjawab soalan-soalan tertentu. Kebanyakan calon kehilangan markah kerana melakukan kesilapan-kesilapan teknikal, iaitu salah ejaan konsep dan istilah, seperti istilah dialogsia, dislogsia, Isolog, perluasan makna dan iktisas. Selain itu, ada calon yang membina ayat dan bukan wacana sebagaimana arahan soalan dan ada calon yang tidak memahami/tidak mematuhi arahan soalan.

Kekuatan calon ialah segelintir daripada mereka menguasai topik-topik sukatan pelajaran semester 3. Buktinya, mereka dapat menjawab soalan yang diberikan dengan tepat. Selain itu, mereka menjawab soalan mengikut kehendak soalan. Kelemahan calon pula ialah ada dalam kalangan mereka yang tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Sebagai contohnya, bagi soalan 21, 22, 26, 31 dan 33, kebanyakan calon tidak dapat menjawabnya dengan tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana, calon masih tidak menguasai topik-topik semester 3 yang menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan yang diberikan dengan tepat. Selain itu, ada calon yang tidak menguasai ejaan bagi sesuatu konsep atau istilah. Ada calon yang tidak menguasai binaan wacana. Calon masih membina ayat dan bukannya wacana bagi soalan yang memerlukan binaan wacana. Selain itu, ada calon yang tidak mengikut arahan soalan. Sebagai contoh, soalan menghendaki calon menggunakan frasa yang diberikan untuk membina wacana namun ada calon yang tidak menggunakan keempat-empat frasa yang diberikan. Terdapat juga calon yang cuai ketika menjawab soalan. Contohnya, bagi soalan yang memerlukan mereka menyalin pernyataan khusus dalam petikan yang diberikan, ada calon yang tersalah menyalin sesetengah perkataan seperti keseronokkan (keseronokan), perumpaan (perumpamaan), kesantunan (ketaksantunan) dan komunikasi (berkomunikasi), menyebabkan keseluruhan ayat yang dibina itu salah. Ada juga calon yang tidak menyalin ayat dengan lengkap. Kelemahan sebegini menyebabkan calon kehilangan markah.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Selesema burung merupakan penyakit selesema yang diakibatkan oleh virus selesema yang menyerang burung. Virus selesema burung berasal daripada usus unggas liar dan tidak berbahaya. Virus selesema burung jenis H5N1 merupakan jenis virus paling berbahaya kerana mampu merebak kepada manusia dan menyebabkan kematian.

Soalan ini menghendaki calon menyatakan sama ada petikan di atas merupakan wacana yang utuh atau tidak dan menyatakan alasannya. Markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah wacana tersebut tidak utuh kerana tidak berkoheren/tiada kesinambungan idea. Terdapat segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mereka memperoleh

2 markah. Calon yang menguasai topik wacana dapat mengenal pasti ciri wacana berdasarkan petikan yang diberikan dan mereka dapat memberikan alasan dengan tepat. Calon yang lemah tidak dapat mengenal pasti sama ada wacana yang diberikan utuh atau tidak. Selain itu, mereka juga tidak dapat mengeja istilah koheren dengan betul. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Ya, kerana petikan di atas menerangkan maklumat dengan khusus.
- (b) Mengandungi tautan idea dan kesinambungan idea untuk membentuk sesebuah teks.
- (c) Tidak utuh kerana wacana ini tiada kohesi dan koheren

Jawapan (a) tidak diterima kerana jelas bahawa wacana tersebut tidak utuh dan alasan yang diberikan pula tidak berkaitan dengan ciri wacana. Dalam jawapan (b), calon tidak menyatakan sama ada wacana tersebut utuh atau tidak, sebaliknya hanya alasan diberikan. Alasan yang diberikan pula bertentangan dengan ciri wacana tersebut. Oleh itu, jawapan (b) tidak diberikan sebarang markah. Untuk jawapan (c), calon memperoleh markah untuk pernyataan tidak utuh sahaja. Tiada markah untuk bahagian alasan kerana calon memberikan alasan tiada kohesi dan koheren, sedangkan wacana tersebut mempunyai kohesi, hanya tiada koheren.

Soalan 22

Seorang jurulatih pasukan bola sepak yang bijak akan menggunakan pelbagai teknik latihan yang berkesan demi meningkatkan kecemerlangan prestasi anak buahnya dalam perlawanan.X....., beliau akan merancang pelbagai taktik permainan yang membolehkan setiap pemainnya mengatasi pasukan lawan dan memenangi perlawanan.

Soalan 22(a) menghendaki calon menyatakan jenis penanda wacana yang sesuai untuk mengisi tempat kosong yang ditandai oleh X, dan soalan 22(b) menghendaki calon memberikan satu contoh penanda wacana yang sesuai untuk mengisi tempat kosong yang ditandai oleh X. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Penanda penghubung
- (b) Di samping itu/Selain itu/Sehubungan dengan itu/Lebih-lebih lagi/Tambahan pula

Calon yang menguasai tajuk jenis penanda wacana dapat mengemukakan jawapan dengan betul untuk X, dan memberikan jawapan yang tepat untuk contoh X. Kebanyakan calon memberikan jenis penanda penghubung untuk X, sedangkan soalan hanya menghendaki calon menyatakan jenis penanda wacana untuk X. Untuk contoh penanda wacana pula, kebanyakan calon memberikan contoh penanda penghubung musabab sebagai jawapan. Ada calon yang tidak dapat mengenal pasti contoh bagi penanda penghubung tambahan. Mereka memberikan contoh penanda penghubung bukan tambahan seperti musabab, kesimpulan dan lain-lain. Hal ini menyebabkan agak ramai calon memperoleh 0 markah untuk soalan ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (a) Penanda wacana tambahan
(b) Oleh itu
2. (a) Penanda wacana musabab
(b) Oleh sebab itu
3. (a) Penanda wacana penghubung tempoh
(b) Seterusnya

Soalan 23

Jenis retorik Y

- Menyampaikan usul yang jelas dan bernas
- Disampaikan dengan jelas, berkesan dan meyakinkan, menggunakan kepelbagaian teknik, seperti induksi, deduksi, atau analogi
- Memerlukan khalayak bersetuju dan yakin akan pendapat yang dikemukakan

Soalan 23(a) menghendaki calon menyatakan jenis retorik Y dan soalan 23(b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ciri retorik Y berdasarkan permulaan petikan yang diberikan, iaitu “Perniagaan dalam talian membolehkan kita menjana pendapatan yang lumayan”. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 40 patah perkataan. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 4 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(a) Retorik penghujahan

(b) Perniagaan dalam talian membolehkan kita menjana pendapatan yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana perniagaan dalam talian semakin mendapat sambutan daripada para pembeli. Pasaran perniagaan dalam talian yang sangat luas membolehkan peniaga mendapat pelanggan yang ramai. Hal ini akan memberikan keuntungan yang besar kepada peniaga.

Untuk soalan (a), kebanyakan calon dapat menyatakan jenis retorik dengan tepat, berdasarkan ciri yang diberikan dalam soalan, iaitu retorik penghujahan. Untuk soalan (b) pula, ada calon yang dapat membina wacana yang menepati retorik penghujahan, dengan menggunakan permulaan petikan yang diberikan dalam soalan. Calon berupaya memperincikan usul yang diberikan dan menghasilkan wacana yang menepati retorik penghujahan yang utuh. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

Perniagaan dalam talian membolehkan kita menjana pendapatan yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana perniagaan dalam talian lebih menjimatkan kos. Perkara ini dapat dibuktikan apabila peniaga atas talian tidak perlu membahagi hasil pendapatan untuk membayar sewa kedai dengan pekerja.

Kelemahan yang ketara ialah ada calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis retorik Y. Mereka memberikan pelbagai jenis retorik sebagai jawapan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak dapat mengenal pasti jenis retorik berdasarkan ciri yang diberikan dalam soalan. Ada calon yang tahu bahawa ciri yang diberikan merujuk retorik penghujahan, namun mereka cuai ketika memberikan jawapan. Buktinya, mereka tersilap mengeja istilah penghujahan. Untuk soalan (b) pula, ada calon yang membina wacana yang menepati retorik penghujahan, namun pernyataan khusus yang diberikan tidak menyokong ayat induk yang tersedia dalam soalan. Hal ini menyebabkan wacana yang dibina tidak koheren. Ada juga calon yang menulis jawapan melebihi 40 patah perkataan. Ada pula sebilangan kecil calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

(a) Pengiklanan

(b) Jadi marilah ramai-ramai menyertai perniagaan dalam talian. Hal ini kerana sangat menguntungkan. Jadi apa tunggu lagi, mari menyertainya bersama.

Contoh 2

(a) Penyampaian maklumat

- (b) Perniagaan dalam talian membolehkan kita menjana pendapatan yang lumayan. Selain itu, perniagaan dalam talian juga memudahkan para pembeli yang ingin membeli barang dari rumah. Antara platform pembelian barang atas talian ialah TikTok, Facebook, Shopee, Lazada dan banyak lagi.

Contoh 3

- (a) Retorik pemujukan
- (b) Perniagaan dalam talian membolehkan kita menjana pendapatan yang lumayan. Oleh itu orang ramai diajak agar memulakan perniagaan di dalam talian bagi menjana pendapatan sampingan. Ramai orang yang telah berjaya sekarang.

Soalan 24

Kebolehan menggunakan perumpamaan dalam pertuturan merupakan kelebihan dan keunikan pada diri penutur. Penggunaan perumpamaan dalam pertuturan mampu mewujudkan keseronokan dalam pergaulan, mencerminkan kemahiran berkomunikasi penutur, dan mengelakkan ketaksantunan dan persengketaan dalam komunikasi.

Soalan 24(a) menghendaki calon menyatakan teknik penyampaian idea yang digunakan dalam petikan yang diberikan dalam soalan dan soalan 24(b) menghendaki calon menulis satu pernyataan khusus yang terdapat dalam petikan tersebut. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Teknik penyampaian idea deduksi
- (b) Penggunaan perumpamaan dalam pertuturan mampu mewujudkan keseronokan dalam pergaulan, mencerminkan kemahiran berkomunikasi penutur, dan mengelakkan ketaksantunan dan persengketaan dalam komunikasi.

Kebanyakan calon memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Mereka dapat menyatakan teknik penyampaian idea yang digunakan dalam petikan seterusnya menyalin pernyataan khusus yang terdapat dalam petikan tersebut. Calon yang lemah tidak dapat mengenal pasti teknik penyampaian idea dengan tepat. Hal ini menyebabkan calon memberikan jawapan yang salah, iaitu teknik induksi atau teknik analogi. Calon juga mengemukakan jawapan yang tidak berkaitan dengan teknik penyampaian idea. Untuk soalan 24(b), calon tidak dapat menyatakan pernyataan khusus dengan tepat. Terdapat calon yang dapat memberikan pernyataan khusus dengan betul, tetapi mereka melakukan kesalahan seperti tertinggal perkataan dan kesalahan ejaan. Selain itu, ada calon yang bukannya menyalin pernyataan khusus, sebaliknya mereka menyalin pernyataan umum yang terdapat dalam soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (a) Teknik induksi
- (b) Perumpamaan dalam pertuturan.

Contoh 2

- (a) induksi
- (b) kebolehan menggunakan perumpamaan dalam pertuturan merupakan kelebihan dan keunikan pada diri penutur

Contoh 3

- (a) umum-khusus
- (b) mewujudkan keseronokan dalam pergaulan, mencerminkan Kemahiran berkomunikasi penutur dan mengelakkan ketaksantunan dan persengketaan dalam komunikasi

Soalan 25

	Pernyataan	Istilah
(a)	Garisan dalam peta yang menunjukkan pembahagian kawasan antara dialek.	
(b)	Penggunaan dua variasi bahasa yang berbeza untuk tujuan dan situasi yang berlainan	

Soalan menghendaki calon menyatakan istilah bagi setiap pernyataan dalam (a) dan (b). Jumlah markah untuk soalan ini ialah 2 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Isoglos
- (b) Diglosia

Ada calon yang dapat menyatakan istilah bagi kedua-dua pernyataan dalam soalan dengan tepat. Calon tersebut nampaknya menguasai tajuk variasi bahasa. Namun demikian, ada calon yang cuai ketika menjawab soalan. Mereka mengetahui istilah yang tepat namun mereka melakukan kesalahan ejaan semasa menulis istilah tersebut. Calon yang lemah pula tidak dapat menyatakan istilah dengan tepat. Ada calon yang seolah-olah tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai istilah dalam variasi bahasa. Buktinya, mereka menulis apa-apa sahaja istilah yang terfikir oleh mereka. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (a) istilah khusus
- (b) dialek

Contoh 2

- (a) isiglose
- (b) dwibahasa

Contoh 3

- (a) kohensi
- (b) koheran

Soalan 26

- (a) Lu bagilah gua mulah sikit. Lu sama gua dah lama kawan. Gua hali-hali beli maa sama lu.

Soalan 26(a)(i) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa dalam petikan di atas dan soalan 26(a)(ii) menghendaki calon menukarkan variasi bahasa dalam petikan tersebut kepada bahasa baku dengan mengekalkan maksud asalnya. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Variasi bahasa pasar
- (ii) Awak berikanlah harga yang murah untuk saya. Saya dan awak/kita sudah lama berkawan. Setiap hari saya membeli barang daripada awak/dari kedai awak.
- (b)

Orang pencen macam *I* ni hidup simple-simple je. Untuk kemas rumah, *I* pakai pembantu yang datang tiga hari dalam seminggu. Nak jalan-jalan *I* guna aje *Rolls-Royce* tu. Sudah *vintage*, tapi enjinnya ok.

Soalan 26(b) pula menghendaki calon menyatakan satu ciri variasi bahasa yang terdapat dalam petikan di atas. Jumlah markah untuk soalan 26 ialah 5 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) tidak menggunakan imbuhan/menggugurkan imbuhan
- (ii) menggunakan kependekan kata
- (iii) tidak mementingkan ketepatan/ketetapan tatabahasa/menyalahi tatabahasa
- (iv) terdapat pertukaran/percampuran kod

Untuk soalan (a)(i), kebanyakan calon dapat menyatakan variasi bahasa dalam petikan dengan tepat, iaitu variasi bahasa pasar/pijin. Namun demikian, ada calon yang tidak menguasai ciri sesuatu variasi bahasa. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengenal pasti jenis variasi bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Buktinya, mereka menulis bahasa basahan, bahasa slanga dan bahasa kasar sebagai jawapan.

Untuk soalan (a)(ii) pula, hanya sebilangan kecil calon yang boleh menukarkan variasi bahasa dalam petikan kepada bahasa baku dengan mengekalkan maksud asalnya. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat membezakan ciri yang terdapat dalam variasi bahasa pasar/pijin dengan bahasa baku. Oleh itu, calon tidak berjaya sepenuhnya menukarkan petikan bahasa pasar/bahasa pijin ini kepada bahasa baku. Contohnya, calon masih meletakkan kata 'sikit' dalam 'murah sedikit' dan 'dengan' dalam ayat 'Awak dengan saya...' . Calon juga tidak meletakkan objek selepas kata kerja 'membeli', yang menyebabkan binaan ayatnya salah. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Awak berikan harga yang murah sedikit kepada saya. Awak dengan saya sudah lama berkawan. Setiap hari saya membeli daripada awak.

Contoh 2

Awak berilah saya membeli dengan harga yang murah sedikit. Saya dan awak sudah lama berkawan. Setiap hari saya membeli dengan awak.

Contoh 3

Kau bagilah aku mula sedikit, Kau dengan aku dah lama berkawan. Aku hari-hari beli dengan kau.

Untuk soalan (b), kebanyakan calon dapat memberikan ciri variasi bahasa basahan dengan tepat. Namun demikian, ada calon yang bukannya memberikan ciri variasi bagi petikan yang diuji, tetapi mereka memberikan jenis variasi bahasa, iaitu bahasa basahan. Selain itu, ada calon yang memberikan ciri yang tidak berkaitan dengan petikan yang diberi. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Mempunyai kosa kata yang dicipta oleh penutur itu sendiri
- (b) Bahasa basahan

- (c) Variasi slanga
- (d) Menggabungkan dua bahasa dalam pertuturan
- (e) Menggunakan dan campurkan dua bahasa yang berbeza
- (f) Menyampaikan dengan sifat emotif

Soalan 27

Laras bahasa A
Dia menjaganya seperti menatang minyak yang penuh. Tidak seekorpun nyamuk yang dibenarkan hinggap di tubuh gebu anaknya. Biar dia susah. Biar dia mengemis. Janji anaknya terjaga. Terbelah. Itu janjinya pada arwah isterinya. Dan janji itu sentiasa tersemat dan terpahat kukuh dihatinya.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis laras bahasa A dan soalan (b) pula menghendaki calon memberikan dua ciri laras bahasa yang terdapat dalam petikan yang diberikan. Jumlah markah bagi soalan ini ialah 3 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Laras bahasa sastera
- (b) (i) Menggunakan gaya bahasa yang menarik (simile/hiperbola/metafora/perlambangan)
- (ii) Bersifat kreatif dan imaginatif
- (iii) Mementingkan penyusunan, pengolahan, dan pemilihan kata yang berkesan
- (iv) Kurang mementingkan aspek tatabahasa

Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis laras bahasa yang betul untuk A. Mereka juga dapat memberikan dua ciri laras bahasa sastera yang terdapat dalam petikan tersebut. Calon yang lemah tidak dapat mengenal pasti jenis laras dengan tepat. Mereka memberikan pelbagai jenis laras bahasa sebagai jawapan. Ada juga calon yang mengemukakan jawapan yang tidak berkaitan dengan laras bahasa. Contohnya, mereka memberikan jawapan pragmatik, seperti laras bahasa turun dan laras bahasa kiasan. Calon juga memberikan jawapan yang sembarangan, seperti laras bahasa media sosial, laras bahasa penghubung, laras bahasa klasik, laras bahasa keluarga, hasil dan tujuan, laras bahasa melampau-lampau dan sebagainya. Selain itu, ada calon yang keliru antara laras bahasa dengan teknik penyampian idea. Buktinya, mereka memberikan istilah penceritaan, pemujuan dan penghujahan sebagai jawapan. Untuk soalan (b) pula, calon tidak dapat mengemukakan dua ciri laras bahasa sastera yang terdapat dalam petikan dengan tepat. Ada antara mereka yang memberikan ciri-ciri berdasarkan tafsiran sendiri. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Terdapat unsur penceritaan
- (b) Untuk menarik minat pembaca membacanya
- (c) Penggunaan ayat yang gramatis
- (d) Penggunaan ayat umpama
- (e) Mengguna kata-kata tertentu sesuai dengan konteksnya
- (f) Penggunaan bahasa berdasarkan
- (g) Menghuraikan sesuatu topik secara objektif
- (h) Menjelaskan konsep atau istilah

Soalan 28

kenderaan bermotor pencemaran karbon monoksida lapisan ozon
--

Soalan ini menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ciri laras bahasa sains, dengan menggunakan semua frasa yang diberikan. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 3 markah. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pertambahan kenderaan bermotor di jalan raya boleh menyebabkan pencemaran udara semakin kronik. Karbon monoksida yang dibebaskan oleh kenderaan boleh menipiskan lapisan ozon.

Kebanyakan calon membina wacana dengan menggunakan keempat-empat frasa yang diberikan dalam soalan. Wacana yang dibina mempunyai kohesi dan koheren serta tidak melebihi 30 patah perkataan. Antara jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Kenderaan bermotor telah menyebabkan pencemaran udara. Pencemaran ini berlaku kerana wujudnya karbon monoksida daripada asap kenderaan. Hal ini telah menipiskan lapisan ozon.

Contoh 2

Penggunaan kenderaan bermotor telah menyebabkan pencemaran alam sekitar. Asap kenderaan yang keluar mengandungi gas karbon monoksida yang akan menyebabkan penipisan lapisan ozon.

Contoh 3

Pencemaran berlaku kerana peningkatan kenderaan bermotor yang mengeluarkan asap yang mengandungi karbon monoksida. Hal ini akan menjejaskan lapisan ozon.

Kelemahan calon yang ketara ialah ada calon yang membina satu ayat, bukannya wacana. Selain itu, ada calon yang membina wacana yang tidak berkoheren. Ada juga calon yang tidak mematuhi arahan soalan yang menghendaki calon menggunakan semua frasa yang diberikan. Mereka hanya menggunakan dua atau tiga frasa tersebut. Ada pula calon yang cuai ketika menulis, iaitu mereka melakukan menulis frasa, seperti karbon monoksida ditulis sebagai karbon dioksida. Calon juga melakukan kesalahan fakta dalam wacana yang dibina. Kelemahan begini menyebabkan calon kehilangan markah. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Kenderaan bermotor mengalami peningkatan dalam penggunaannya. Peningkatan ini menyebabkan berlakunya pencemaran udara. Pengeluaran gas karbon monoksida menyebabkan lapisan ozon semakin menebal.


Contoh 2

Kenderaan bermotor di negara Malaysia sangatlah banyak. Hal ini telah mengundang kepada pencemaran seperti pencemaran udara kerana pelepasan karbon monoksida yang melampau. Keadaan ini menyebabkan lapisan ozon bumi tidak terbuka sehingga menyukarkan karbon monoksida terperangkap di bumi.

Soalan 29

(a) penawar

Soalan 29(a) menghendaki calon membina dua ayat dengan menggunakan perkataan di atas untuk menunjukkan makna denotatif dan makna konotatif.



Soalan 29(b) menghendaki calon melengkapkan segi tiga semiotik Odgen dan Richard (1923) yang diwakili oleh X dan Y di atas. Jumlah markah untuk soalan 29 ialah 4 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Makna denotatif
Saintis itu berjaya menghasilkan penawar bagi penyakit berjangkit tersebut
- (ii) Makna konotatif
Kejayaan itu menjadi penawar kepada kegagalannya sebelum ini
- (b) X: Konsep
Y: Benda/rujukan

Untuk soalan (a), kebanyakan calon dapat membina ayat dengan menggunakan perkataan penawar, dan ayat yang dibina dapat menunjukkan makna denotatif dan makna konotatifnya. Contoh ayat yang dibina oleh calon untuk soalan (a) adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (i) Makna denotatif
Ibu ke klinik untuk mendapatkan penawar bagi menyembuhkan demam adik.
- (ii) Makna konotatif
Baju itu menjadi penawar rindu kami kepada ayah.

Contoh 2

- (i) Makna denotatif
Datuk ke hutan untuk mencari penawar sakit cucunya.
- (ii) Makna konotatif
Gadis itu menjadi penawar kepada Halim yang baru putus cinta.

Kelemahan calon yang ketara ialah ada antara mereka yang tidak dapat membezakan makna denotatif dengan makna konotatif. Hal ini menyebabkan mereka membina ayat dengan menggunakan perkataan “penawar” yang kedua-duanya merujuk makna yang sama, iaitu sama ada denotatif atau konotatif. Ada calon yang tidak memahami maksud perkataan “penawar”. Buktinya, mereka mengaitkannya dengan maksud tawaran atau tawar-menawar perniagaan. Ada calon yang menambah kata ganti nama diri ketiga kepada perkataan “penawar”, menjadi “penawarnya”. Ada calon yang menjadikannya kata majmuk, iaitu “air penawar”. Ada calon yang tidak memahami maksud “penawar”. Hal ini menyebabkan

mereka membina ayat yang tiada kena mengena dengan maksud perkataan tersebut. Ada calon yang bukannya membina ayat, sebaliknya mereka memberikan maksud makna denotatif, makna konotatif dan maksud perkataan “penawar”. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Makna denotatif
- (i) Alesya Rasyana menggunakan penawar yang sangat wangi.
 - (ii) Alim merupakan seorang penawar yang masih belum tangkap oleh orang polis.
 - (iii) Penawar yang berkerja di kedai itu memberi layanan yang bagus.
- (b) Makna konotatif
- (i) Akmal telah ditawar hati untuk menjadi bakal menantu Encik Rosman.
 - (ii) Datuk kepada Aiman merupakan bekas penawar kampung suatu ketika dahulu.
 - (iii) Minyak bidara merupakan penawar bagi pesakit yang mengalami gangguan jin.

Untuk soalan (b), ada segelintir calon yang dapat melabelkan segi tiga semiotik dengan istilah yang betul. Namun demikian, agak ramai calon yang tidak menguasai gambar rajah segitiga semiotik. Ini menyebabkan mereka tidak dapat melabel gambar rajah tersebut dengan tepat. Ada calon yang tertukar-tukar kedudukan label. Selain itu, ada calon yang hanya menulis sebarang jawapan yang tidak berkaitan dengan konsep, perkataan dan rujukan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) X
- (i) Simbol
 - (ii) Kata
 - (iii) Ideolek
 - (iv) Kelompok
- (b) Y
- (i) Makna
 - (ii) Frasa
 - (iii) Dialek
 - (iv) Bahasa

Soalan 30

(a)	(i) <u>Barang-barang kemasnya</u> , iaitu <u>subang</u> , <u>cincin</u> , <u>loket</u> , dan <u>gelang</u> habis lesap.
	(ii) • Dia <u>reda</u> dengan pemergian anaknya. • Kami meneruskan perjalanan setelah hujan mulai <u>reda</u>.

Soalan 30(a) menghendaki calon menyatakan perkaitan makna dari segi leksikal bagi perkataan yang bergaris dalam setiap ayat (i) dan (ii). Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Hiponim/Superordinat/hipernim
- (ii) Homograf

(b) puteri

Soalan 30(b) menghendaki calon membina dua ayat dengan menggunakan perkataan di atas untuk menunjukkan perubahan maknanya. Perkataan tersebut tidak boleh diberikan imbuhan, digandakan atau dijadikan dalam bentuk peribahasa. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (b) (i) Puteri Sultan Johor telah melangsungkan perkahwinan.
- (ii) Mesyuarat pergerakan bahagian puteri bagi organisasi tersebut telah ditunda.

- (c) Sejak Persatuan Penulis Muda menganjurkan klinik penulisan, semakin banyak artikel berkualiti yang telah dihasilkan. Hal ini membuktikan bahawa penganjuran klinik tersebut membantu orang ramai untuk menulis dengan lebih baik.

Soalan 30(c) menghendaki calon menyatakan perubahan makna yang berlaku pada perkataan “klinik” dalam petikan di tersebut. Jumlah markah untuk soalan 30 ialah 5 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “peluasan makna”.

Untuk soalan (a)(i) dan (ii), segelintir calon dapat memberikan istilah bagi perkaitan makna yang tepat, iaitu superordinat/hiponim/subordinat dan homograf. Namun demikian, calon yang lemah tidak menguasai istilah-istilah dalam bidang semantik, menyebabkan mereka salah memberikan istilah yang salah sebagai jawapan. Bagi soalan ini, ramai calon memberikan istilah yang tidak tepat, seperti hiponim/pengulangan kata berhiponim dan homonim/pengulangan kata bersinonim. Selain itu, ada calon yang melakukan kesalahan ejaan pada istilah berkenaan.

Untuk soalan (b), segelintir calon dapat membina dua ayat dengan menggunakan perkataan “puteri” yang dapat membezakan maknanya. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (i) Kamilia baru sahaja melahirkan puteri sulungnya.
- (ii) Tuan puteri sedang beradu di kamarnya.

Contoh 2

- (i) Dia melayan anaknya seperti tuan puteri.
- (ii) Puteri bongsunya sedang melanjutkan pelajaran di universiti.

Contoh 3

- (i) Siti merupakan puteri kepada Encik Azam dan Puan Laila.
- (ii) Puteri sedang bermuram kerana sultan sedang gering.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat membina ayat dengan menggunakan perkataan ‘puteri’ untuk menunjukkan perubahan maknanya dengan tepat. Ada calon yang menjadikan ‘puteri’ sebagai nama khas seperti Persatuan Pandu Puteri, sebagai nama kepada anak perempuan seperti Puteri Aisyah ataupun sebagai kiasan seperti “Puteri Lilin”. Ada juga calon yang membina ayat tanpa menggunakan perkataan “puteri” untuk menunjukkan perubahan makna. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Isteri Haziq baru sahaja melahirkan anak perempuan dan diberikan namanya Puteri.
- (b) Kuih puteri mandi itu merupakan kuih kegemaran sekeluarga setiap kali hari perayaan disambut meriah.
- (c) Bandar Puteri yang terletak di Kedah merupakan tempat yang bersejarah.

Untuk soalan (c), kebanyakan calon dapat menyatakan perubahan makna yang berlaku pada perkataan “klinik”, iaitu peluasan makna. Namun demikian, ada juga calon yang tidak memahami perubahan makna. Buktinya, mereka memberikan jawapan yang pelbagai, contohnya makna konotatif, klinik yang dimaksudkan seperti kelas atau aktiviti tetapi bukan bertujuan untuk rawatan, bengkel penulisan, kempen penambahbaikan penulisan sajak, pusat perubatan dan penanda penggantian. Ada pula calon yang mengetahui perubahan makna, namun mereka melakukan kesalahan ejaan, iaitu peluasan dieja sebagai perluasan.

Soalan 31

- (a) Orang yang pandai berbuat helah

Soalan 31 (a) menghendaki calon memberikan satu simpulan bahasa yang mendukung makna di atas.

- (b) Cepat kaki ringan tangan

Soalan 31 (b) menghendaki calon membina satu wacana dengan menggunakan peribahasa di atas bagi menunjukkan maknanya dengan tepat. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Jumlah markah untuk kedua-dua soalan ini ialah 3 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Abu Nawas/akal belut/banyak akal
- (b) Azam seorang yang cepat kaki ringan tangan membantu ibunya menjual nasi lemak dan kuih-muih. Setiap hari Azam bangun awal pagi untuk membantu ibunya menyediakan bahan jualan.

Untuk soalan (a), ada calon yang dapat memberikan simpulan bahasa yang tepat dengan makna yang diberikan dalam soalan. Calon yang tidak menguasai tajuk peribahasa tidak dapat menjawab soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka langsung tidak mengetahui simpulan bahasa yang mempunyai makna yang dinyatakan dalam soalan. Mereka memberikan jawapan yang jauh menyimpang daripada makna asal. Mereka memberikan jawapan yang pelbagai untuk merujuk orang yang pandai berbuat helah. Ada calon yang sememangnya tidak tahu peribahasa yang mempunyai maksud yang diberikan. Ada calon yang hanya meneka peribahasa yang seakan-akan membawa maksud pengertian tersebut. Ada yang memberikan peribahasa yang langsung tidak sepadan dengan maksud peribahasa yang diberikan dalam soalan. Selain itu, ada calon yang bukannya memberikan peribahasa sebaliknya mereka memberikan frasa sebagai jawapan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Sampan ada, pengayuh tiada
- (ii) Panjang akal
- (iii) Licik akal
- (iv) Sang kancil

Untuk soalan (b), calon yang mengetahui maksud peribahasa yang diberikan dalam soalan dapat membina wacana yang menunjukkan makna peribahasa tersebut. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Siti disukai oleh guru-guru kerana dia selalu membantu guru-guru dan rakan-rakan di sekolah. Sikapnya ini seperti cepat kaki ringan tangan.

Contoh 2

Mawi seorang yang sangat mudah disuruh untuk melakukan sesuatu kerja oleh ibunya. Dia ibarat cepat kaki ringan tangan untuk menolong ibunya melakukan sesuatu.

Calon yang tidak memahami maksud peribahasa tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka membina wacana yang langsung tidak menepati maksud peribahasa tersebut. Ada calon yang membina wacana dengan merujuk cepat kaki ringan tangan sebagai seorang yang panas baran atau sebagai seorang pantas dalam melakukan aktiviti negatif seperti mencuri. Ada calon yang tidak memahami teknik penulisan wacana dengan menggunakan peribahasa. Mereka hanya membina wacana tanpa menggunakan peribahasa yang diberikan dalam soalan. Walaupun wacana yang dibina itu menggambarkan maksud peribahasa, tiada markah diberikan kerana calon tidak memenuhi kehendak soalan. Selain itu, ada calon yang hanya membina ayat, bukannya wacana. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

Abu ialah seorang yang aktif dalam sukan. Dia selalui mencapai keinginan dalam pencapaian sukan tetapi dia kurang bijak dalam akademik seperti cepat kaki ringan tangan.

Contoh 2

Aiman seringkali dipuji oleh ibu bapanya. Dia seorang yang cepat kaki ringan tangan. Tidak heran kenapa Aiman sering dipuji oleh ibu bapanya.

Contoh 3

Elma suka mengikuti ibunya pergi membeli barang. Namun dia tidak membantu ibunya membawa barangan. Sebaliknya dia hanya berfoya-foya berjalan di pasar raya.

Soalan 32

Ragam bahasa	Contoh wacana
<i>P</i>	Terimalah pemberian seadanya ini. Hanya pucuk dari belukar dan umbut dari rimba
<i>Q</i>	Yang kurus menjaga lauk. Yang gemuk mengimbangi perahu.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis ragam bahasa *P* dan *Q* di atas. Soalan (b) menghendaki calon membina satu ayat yang menepati ragam bahasa besar. Jumlah markah untuk soalan ini ialah 3 markah. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Bahasa kecil/bahasa merendah
(ii) Bahasa bertimbal

(b) Walaupun selautan air matamu mengalir, dia tetap tidak akan kembali.

Untuk soalan (a), sebahagian besar calon dapat menyatakan jenis ragam bahasa *P* dan *Q* dengan tepat. Namun demikian, calon yang tidak menguasai tajuk pragmatik memberikan jawapan yang semberono, contohnya ragam bahasa tunjuk, ragam bahasa kiasan dan ragam bahasa bergurau. Ada pula calon yang tidak mendapat markah kerana tersalah istilah, contohnya, mereka menulis ragam bahasa rendah, bukannya ragam bahasa merendah.

Untuk soalan (b), kebanyakan calon dapat membina satu ayat yang menepati ragam bahasa besar. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

1. Demi cintaku padamu, lautan api sanggup kurenangi.
2. Senyuman Anis manis seperti lautan air madu.
3. Masin sungguh mi goreng ini, seperti selori garam tumpah.

Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat membina ayat yang menepati ragam bahasa besar. Ayat yang dibina bukannya menepati ragam bahasa besar, sebaliknya ayat itu hanya ayat penyata, ataupun ayat tersebut menepati ragam bahasa yang lain, seperti ragam bahasa sindiran. Ada pula calon yang bukan membina ayat, sebaliknya mereka membina wacana. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. Arif selalu bermegah-megahan dirinya sendiri mengenai kebolehannya padahal tidak semua kerja dia mahir.
2. Kalau setakat nak dapat gred A apalah sangat.
3. Air yang dibancuhnya sangat manis. Bagaikan lautan madu.

Soalan 33

(a) Prof. Tan Sri Dr. Syed Salleh bin Syed Sulaiman

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis gelaran yang dimiliki oleh tokoh di atas. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a)
- (i) Gelaran ikhtisas
 - (ii) Gelaran kurniaan/anugerah
 - (iii) Gelaran warisan/keturunan

(b) **Ciri kesantunan berbahasa**

- Ungkapan bertatasusila
- Kata ganti nama diri atau panggilan hormat

Soalan (b) menghendaki calon membina satu wacana bagi setiap situasi yang diberikan dalam (i) dan (ii) di bawah berdasarkan ciri kesantunan berbahasa dalam (b). Panjang setiap wacana mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Jumlah markah untuk soalan 33 ialah 7 markah.

	Situasi	Wacana
(i)	Anda ingin meminjam pen daripada seorang kakitangan lelaki di kaunter pejabat pos untuk mengisi borang pos.	 [2]
(ii)	Sebagai pengacara majlis, anda menjemput pengetua sekolah untuk menyampaikan ucapan perasmian Majlis Anugerah Akademik.	 [2]

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	Situasi	Wacana
(i)	Anda ingin meminjam pen daripada seorang kakitangan lelaki di kaunter pejabat pos untuk mengisi borang pos.	Assalamualaikum/selamat pagi/ selamat sejahtera Encik. Saya terlupa bawa pen. Boleh saya pinjam pen? Saya nak isi borang pos laju.
(ii)	Sebagai pengacara majlis, anda menjemput pengetua sekolah untuk menyampaikan ucapan perasmian Majlis Anugerah Akademik.	Majlis seterusnya menjemput Yang berusaha Tuan Haji Aziz bin Amran untuk menyampaikan ucapan perasmian. Dipersilakan

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan (a) dan (b). Untuk soalan (a), calon dapat menyatakan jenis gelaran yang dimiliki oleh tokoh yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat memberikan jenis gelaran yang tepat. Ada yang bukannya memberikan jenis gelaran, tetapi mereka memberikan contoh gelaran. Ada juga calon yang cuai dan melakukan kesalahan ejaan pada istilah jenis gelaran. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (i) Yang Berhormat Tan Sri Dr. Syed Salleh bin Syed Sulaiman
- (ii) Yang Mulia Prof. Tan Sri Dr. Syed Salleh bin Syed Sulaiman
- (iii) Yang Berbahagia Tan Sri dr. Salleh bin Syed Sulaiman

Contoh 2

- (i) Yang dihormati
- (ii) Yang berbahagia
- (iii) Yang berhormat

Contoh 3

- (i) iktisas
- (ii) agama
- (iii) kurniaan kerajaan

Untuk soalan (b), kebanyakan calon dapat membina wacana untuk kedua-dua situasi yang diberikan, dengan menunjukkan ciri kesantunan berbahasa, iaitu ungkapan bertatasusila dan kata ganti nama diri atau panggilan hormat. Contoh wacana yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (i) Maafkan saya tuan. Bolehkah saya meminjam pen untuk mengisi borang ini?
- (ii) Seterusnya, dijemput Yang Berusaha Encik Ali, tuan pengetua SMK Kota Belut, untuk menyampaikan ucapan perasmian. Dipersilakan.

Contoh 2

- (i) Selamat pagi encik. Boleh pinjamkan saya pen? Saya hendak mengisi borang ini.
- (ii) Untuk merasmikan majlis anugerah akademik ini, saya menjemput Tuan Pengetua SMK Pending untuk menyampaikan ucapan. Terima kasih.

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah ada calon yang tidak membina wacana, sebaliknya mereka membina ayat sahaja. Ada juga calon yang membina wacana yang tidak menepati situasi yang diberikan dalam soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

- (i) Puan/tuan bolehkah saya meminjam pen di sini?
- (ii) Yang dihormati tuan pengetua sekolah dijemput untuk menyampaikan ucapan perasmian Majlis Anugerah Akademik.

Contoh 2

- (i) Tuan/puan bolehkah saya meminjam pen untuk mengisi borang pos ini?
- (ii) Dipersilakan yang berhormat pengetua sekolah untuk menyampaikan ucapan perasmian Majlis anugerah Akademik.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)